



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN**  
PARLIAMENTARY DEBATES

**DEWAN NEGARA**  
*Senate*

**PARLIMEN KETUJUH**  
Seventh Parliament

**PENGGAL KETIGA**  
*Third Session*

---

Jilid III Bil. 5

Hari Jumaat

31hb Mac, 1989

---

**KANDUNGANNYA**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

(Ruangan 1)

**RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1988)**

(Ruangan 36)



MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Jumaat, 31hb Mac, 1989

Mesyuarat dimulakan pada pukul 3.00 petang

D O A

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

**BERAS DIIMPORT - JUMLAH/NILAI**

1. **Tuan Mohd. Noor bin Bedah** minta Menteri Pertanian menyatakan dari negara mana dan jumlah serta nilai beras yang diimport LPN sepanjang 3 tahun yang lalu, dan langkah-langkah yang telah diambil supaya negara memberhenti atau mengurangkan import berkenaan. Sama ada pihak Kementerian mempunyai perancangan untuk mengeksport beras masa depan.

**Timbalan Menteri Pertanian [Dato' Alexander Tu Lung Lee]:** Tuan Yang di-Pertua, negara-negara dari mana Kerajaan Malaysia mendapat beras import ialah Thailand, Pakistan, Burma, China, India, Australia dan Amerika Syarikat. Jumlah kuantiti dan nilai keseluruhannya adalah seperti berikut:-

<b>Tahun</b>	<b>Kuantiti [Tan Metrik]</b>	<b>Nilai [\$]</b>
1986	215,029.87	117,016,337.02
1987	193,787.92	91,282,213.03
1988	288,915.00	206,880,142.25

Peratus pengimportan beras negara bergantung kepada hasil pengeluaran beras. Dasar pengeluaran beras adalah ditetapkan di antara 60% sehingga 65% bagi memenuhi keperluan negara. Jumlah import bergantung kepada hasil pengeluaran beras tahunan. Ini adalah kerana kos pengeluaran beras adalah tinggi berbanding dengan harga import dan Kerajaan hanya menumpukan tanaman padi di lapan kawasan jelapang padi sahaja dan tidak ada kawasan baru yang akan dibuka untuk tanaman ini. Oleh yang demikian langkah-langkah yang diambil untuk tujuan mengurangkan import beras adalah melalui penyelidikan bagi mendapatkan benih yang baik, menghapuskan makhluk perosak, mengadakan infrastruktur dan meningkatkan pengurusan ladang melalui projek-projek pertanian bersepadu. Langkah-langkah ini dilaksanakan oleh agensi-agensi Kementerian Pertanian seperti MARDI, MADA, Jabatan Pertanian, KADA, Lembaga Pertubuhan Peladang, Jabatan Pengairan dan Saliran, Lembaga Padi dan Beras Negara dan lain-lain.

Kementerian akan mengeksport beras sekiranya kos pengeluaran beras adalah lebih rendah atau setanding dengan negara-negara lain.

**Tuan Tan Chai Ho:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan adakah Yang Berhormat sedar bahawa baru-baru ini harga meehoon dinaikkan boleh kerana kekurangan beras hancur di negara kita? Oleh itu saya minta Yang Berhormat menjelaskan tindakan-tindakan yang akan diambil untuk menyelesaikan masalah ini.

**Dato' Alexander Tu Lung Lee:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa soalan tambahan ini lain daripada soalan asal. Soalan tambahan ini

ialah berkenaan meehoon tetapi saya akan cuba menjelaskan bahawa bekalan meehoon bergantung kepada berapa banyak beras hancur ada dan harga meehoon pun naik bergantung kepada bekalan beras. Baru-baru ini bekalan beras telah meningkat dan oleh itu beras hancur telah kurang dan bila beras hancur kurang maka harga meehoon adalah naik. Itulah sebab harga meehoon telah naik. Berkenaan tindakan yang kita sambil, LPN adalah diminta untuk mengimport lebih banyak beras hancur dari negara-negara jiran supaya bekalan beras hancur ini cukup dan bila ada cukup kita rasakan harga beras hancur boleh menurun dan dengan itu boleh dapat harga meehoon yang rendah sedikit.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Lim Heng Tee,

**Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan yang kedua.

#### JABATAN BOMBA - KENDERAAN/ALAT 'OBSOLETE'

2. **Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah [di bawah S.O. 23(2)]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan adakah benar sebahagian kenderaan dan alat-alat dalam Jabatan Bomba telah digunakan beberapa tahun dan telah menjadi 'obsolete', apakah rancangan untuk mengemaskinikan kenderaan dan alat-alat tersebut.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Haji Hussein bin Ahmad]:** Tuan Yang di-Pertua, memang benar Kerajaan masih mengguna pakai kenderaan-kenderaan Bomba yang lama yang sudah berumur lebih daripada 12 tahun. Namun demikian, pihak Kementerian telahpun membuat perancangan untuk mengubah ganti mana-mana kenderaan yang tidak boleh lagi digunakan. Untuk pengetahuan Yang Berhormat pada tahun 1988 Jabatan Bomba telah menerima sebanyak 42 unit kereta baru dan insya Allah pada tahun ini kita akan menerima lagi sebanyak 20 unit kenderaan baru.

**PELAJAR KE LUAR NEGERI - MENGURANGKAN**

**3. Puan Hajjah Salbiah binti Mohd. Akim** minta Menteri Pendidikan adakah Kementerian Pendidikan akan mengurangkan bilangan pelajar ke luar negeri dengan timbulnya banyak masalah yang melibatkan pelajar-pelajar ke luar negeri yang merugikan. Kerajaan dan ibu-bapa, kerana kegiatan sosial, dakwah, agama dan kebudayaan. Dan apakah tindakan Kementerian kepada pelajar-pelajar yang terlibat.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Dr. Leo Michael Toyad]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dasar baru Kementerian Pendidikan adalah bertujuan untuk mengurangkan penghantaran pelajar-pelajar ke luar negeri. Dengan dasar baru ini, tempat-tempat di pusat-pusat pengajian tinggi tempatan ditambah dan juga pelajar-pelajar yang dihantar ke luar negeri itu untuk mengikuti kursus-kursus di mana tempat yang dapat disediakan oleh pusat tinggi terapan. Kita sangat terhad. Jabatan Penuntut-penuntut Malaysia di luar negeri adalah bertanggungjawab mengawasi kegiatan-kegiatan pelajar Malaysia di luar negeri, di mana-mana pelajar yang didapati menjalankan kegiatan-kegiatan yang tidak diingini tindakan sewajarnya akan ambil ke atas mereka, ini termasuk juga menarik balik biasiswa bagi pelajar-pelajar yang dibiayai atau ditajakan oleh Kerajaan atau melaksanakan lain-lain tindakan yang kita fikir sesuai.

**Puan Nazidah binti Haji Zakaria:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ini berkaitan dengan soalan masalah-masalah yang dikatakan melibatkan pelajar-pelajar kita di seberang laut. Masalah ini selalu sangat kita dengar dan oleh kerana ini saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan, sebenarnya berapakah anggaran secara puratanya bilangan penuntut-penuntut kita benar-benar terlibat dalam masalah-masalah sepertimana yang dinyatakan dalam soalan ini, dan di antara kegiatan dakwah yang menyeleweng dan juga kegiatan-kegiatan subersif yang berbau politik yang mana satu yang lebih berat masalahnya.

**Dr. Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, mana satu yang berat masalah ini adalah satu perkara yang relatif. Jadi, ini menjawab soalan berapa anggaran penuntut-penuntut yang terlibat itu, saya tidak dapat menjelaskan di sini kerana angka-angkanya tidak ada di sini. Tetapi boleh dikatakan golongan yang terlibat di dalam berbagai kegiatan itu kalau dibandingkan dengan ramainya pelajar dan penuntut kita di luar negeri itu adalah golongan yang kecil.

**Puan Hajjah Salbiah binti Mohd. Akim:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya berkenaan dengan pegawai-pegawai yang menjaga kanak-kanak di luar negeri ini. Selalu kita mendakwa anak-anak sahaja yang salah. Adakah sebab kurang penjagaan atau pengawasan daripada pegawai-pegawai yang ditugaskan di seberang laut ini maka anak-anak itu terjadi begitu. Ada juga dakwaan pegawai-pegawai yang bertugas di luar negeri ini kurang mengambil perhatian kepada kanak-kanak kita yang dihantar ke luar negeri.

**Dr. Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas soalan itu. Memang boleh dikatakan ada kelemahan-kelemahan di antara pegawai-pegawai yang ditugaskan, tetapi kami ingin menyakinkan Yang Berhormat di sini bahawa tindakan-tindakan yang serius dan juga pengawalan yang ketat diambil ke atas pegawai-pegawai supaya mereka ini menjalankan tugas mereka dan tanggungjawab mereka dengan sepenuh komitmen dan juga tanggungjawab. Jadi, masalah-masalah di mana kekurangan perhatian diberi oleh pegawai-pegawai itu telah dikurangkan dengan cara-cara kita mengadakan pengawalan yang lebih ketat sekarang dan kalau ada pegawai-pegawai yang tidak menjalankan tugas yang begitu memuaskan, kita sentiasa akan panggil mereka atau pegawai-pegawai itu balik.

**Dr. Nordin Selat:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Soalan tambahan saya ialah kebanyakan masalah yang disebutkan di sini sebenarnya berhubung kait dengan satu kategori satu pelajar sahaja iaitu pelajar-pelajar Melayu atau pelajar-pelajar Islam. Jadi, adakah penuntut-penuntut lain juga tidak ada masalah dan kalau ada masalah, apakah masalah yang mereka timbulkan sewaktu mereka belajar di luar negeri?

**Dr. Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, memang yang kita terlihat berbagai masalah timbul termasuklah dari segi kegiatan subersif dan juga termasuk di mana pelajar-pelajar yang bukan di bawah tajaan Kerajaan atau mana-mana agensi Kerajaan terlibat juga segolongan kecil. Jadi, kita tidak ada angka untuk disampaikan di sini tetapi ada berbagai kegiatan bukan subersif sahaja tetapi juga melanggar undang-undang di negeri di mana mereka ini belajar.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Saya fikir cukuplah.

#### PERABOT MALAYSIA DI LUAR NEGERI

4. **Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan; bagaimanakah sambutan masyarakat di luar negeri terhadap perabot Malaysia dan adakah Kerajaan bercadang untuk menjadikan pengeksportnya sebagai satu pendapatan.

**Timbalan Menteri Perusahaan Utama [Dato' Alias bin Md. Ali]:**

Tuan Yang di-Pertua berdasarkan pencapaian eksport perabot kayu dan rotan Malaysia bagi tahun 1985 - 1988 adalah nyata sambutan masyarakat luar negeri terhadap perabot keluaran Malaysia semakin bertambah baik. Eksport perabot Malaysia telah semakin naik nilainya daripada \$18 juta pada tahun 1985 kepada \$27.5 juta pada tahun 1986, \$56.4 juta pada tahun 1987 dan \$82.1 juta pada tahun 1988 iaitu angka daripada bulan Januari hingga bulan November.



Kerajaan memang bercadang menjadikan eksport perabot sebagai satu sumber pendapatan luar negeri yang besar sebagaimana yang dinyatakan di dalam Pelan Induk Perindustrian yang menetapkan matlamat \$400 juta nilai eksport perabot setahun menjelang tahun 1995. Ini akan menambah nilai tokok ke atas salah satu sumber asli kita dan membantu dalam kemajuan penubuhan lebih banyak lagi industri-industri pembuatan di dalam negara kita.

#### PINJAMAN KENDERAAN KEPADA PEGAWAI KERAJAAN

5. **Tuan G Rajoo** minta Menteri Kewangan menyatakan:
- (a) jumlah kelulusan pinjaman kenderaan yang diberi kepada pegawai-pegawai Kerajaan pada tahun 1988;
  - (b) jenis-jenis kereta yang dibeli oleh pegawai-pegawai Kerajaan pada tahun 1988 dengan pinjaman ini; dan
  - (c) langkah Kerajaan untuk menggalakkan pegawai-pegawai Kerajaan yang memohon pinjaman kenderaan untuk membeli kereta "Proton Saga", pengeluaran negara kita.

**Timbalan Menteri Kewangan [Tuan Loke Yuen Yow:** Tuan Yang di-Pertua, jumlah kelulusan pinjaman kenderaan yang diberi kepada pegawai-pegawai Kerajaan pada tahun 1988 adalah sebanyak \$42,069,600. Kebanyakan jenis kereta baru yang dibeli oleh pegawai-pegawai Kerajaan adalah terdiri daripada Proton Saga iaitu lebih kurang 80% hingga 90%. Jenis yang lain adalah Hissan Sunny, Toyota Corolla, Mazda dan lain-lain. Berhubung dengan kereta terpakai jenis-jenis kenderaan yang dibeli oleh pegawai-pegawai Kerajaan dengan pinjaman ini adalah Proton Saga, Honda, Mazda, Datsun, Toyota, Mitsubishi, Volvo, Daihatsu dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab bahagian (c), buat masa ini Kerajaan mengamalkan sistem harga bersaing dalam pasaran terbuka iaitu "competitive price in open market", dengan izin, dan membolehkan harga Proton Saga masih murah kalau dibandingkan dengan kereta-kereta buatan Jepun dan lain-lain yang mana mendorong pegawai-pegawai Kerajaan membeli kereta jenis tersebut. Selain, daripada itu, Kerajaan tidak mempunyai apa-apa arahan ataupun peraturan untuk menggalakkan pegawai-pegawai Kerajaan membeli kereta Proton Saga.

**Puan Habidah binti Jusoh:** Soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Timbalan Menteri Kewangan memandangkan harga kenderaan telah naik berlipat kali ganda kalau dibandingkan pada tahun 80an yang lepas, tidakkah Kerajaan bercadang untuk menaikkan kadar pinjaman kepada pegawai-pegawai Kerajaan sekarang untuk membolehkan-mereka memiliki kenderaan,

**Tuan Loke Yuen Yow:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kewangan sedar bahawa harga kereta-kereta atau kenderaan telah naik kalau dibandingkan dengan harga-harga dalam tempoh 80an. Tuan Yang di-Pertua, walau pun saya tidak pasti bilakah Kerajaan telah menaikkan kadar macam **itu**, tetapi saya pasti bahawa Kerajaan telah menaikkan kadar pinjaman kenderaan kepada pegawai-pegawai. Saya ingin minta notis bahawa saya akan jawab secara bertulis berkenaan soalan tambahan itu.

**KADAR FAEDAH PINJAMAN**

**6. Tuan Dahalan bin Haji Embun** minta Menteri Kewangan menyatakan gejala "compound interest" amat ketara sekali dan menimbulkan banyak masalah kepada peminjam yang tidak dapat mengikut jadual bayaran balik hutang. Adakah Kerajaan bercadang untuk mengkaji serta mencadangkan kaedah bayaran faedah (interest) yang lain untuk meringankan para peminjam.

**Timbalan Menteri Kewangan [Tuan Mohamed Farid bin Ariffin]:**

Tuan Yang di-Pertua, bayaran faedah yang dikenakan oleh bank-bank biasanya dikira berasaskan jumlah yang belum dijelaskan oleh peminjam—peminjam, Dengan itu pengenaan bayaran faedah terkompoun atau dengan izin, compound interest adalah merupakan amalan biasa dalam urusan bank kerana bayaran faedah yang lewat dijelaskan oleh peminjam dalam sesuatu tempoh adalah juga dikira sebagai jumlah hutang yang belum dijelaskan oleh pihak peminjam. Peminjam-peminjam perlu menerima hakikat ini kerana apa-apa bayaran yang lewat dijelaskan oleh mereka mengikut jadual bayaran balik pinjaman yang ditandatangani oleh mereka dengan pihak bank akan menjejaskan pulangan kepada bank berkenaan,

Perkara ini adalah merupakan amalan umum dalam perniagaan bank. Dengan itu Kerajaan tidak bercadang untuk mengkaji alternatif-alternatif lain yang berkaitan dengan bayaran faedah tersebut. Tambahan pula, bagi meringankan beban peminjam yang dikenakan denda akibat kelewatan membuat bayaran balik pinjaman tersebut, arahan telahpun dikeluarkan kepada bank-bank supaya menghadkan kadar denda faedah kepada 1% setahun sahaja ke atas jumlah yang tertunggak.

**Tuan Haji Hamid Araby bin Haji Md. Salih:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya dapati bank-bank ini mengenakan interest atau

compound interest ini yang tidak selaras ada bank yang mengenakan 2%, ada yang mengenakan 3%. Adakah Kementerian berkenaan boleh mengeluarkan satu arahan supaya compound interest itu diselaraskan di semua bank supaya ini tidak menjadi bebanan yang besar kepada peminjam?

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, jawapan saya tadi telahpun menjelaskan bahawa arahan telah dikeluarkan.

#### PROJEK PERKILANGAN DI PANTAI TIMUR

**7. Puan Hajjah Habidah binti Jusoh** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) kenapakah perkembangan penubuhan kilang-kilang di negeri-negeri Pantai Timur khususnya Terengganu begitu lembab; dan
- (b) setakat ini berapakah kilang-kilang didirikan di Terengganu atas usaha dan dorongan Kerajaan Pusat.

#### **Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian**

**[Tuan M.G. Pandithan]:** Tuan Yang di-Pertua;

- (a) penubuhan projek-projek perkilangan di negeri Pantai Timur khususnya negeri Terengganu tidaklah begitu menggalakkan jika dibandingkan dengan negeri-negeri lain di Semenanjung. Keadaan ini adalah disebabkan oleh kedudukan negeri Terengganu itu sendiri, terutamanya dari segi pasaran tempatan yang terhad. Sementara itu, negeri Terengganu juga kurang mempunyai kemudahan industri perkhidmatan dan sokongan seperti kerja-kerja fabrication dan machining work.

- (b) mengikut kajian yang dijalankan oleh MIDA ke atas syarikat-syarikat perkilangan yang diluluskan di bawah ICA sehingga 31 hb Disember, 1987, sebanyak 53 buah projek adalah sedang beroperasi dengan rnenyediakan 5,630 peluang pekerjaan serta melabur sejumlah \$1,324.6 juta ke atas harta tetap. Pada tempoh di antara Januari sehingga Disember 1988, 10 buah projek baru telah diluluskan di mana 2,390 peluang pekerjaan dapat disediakan dengan jumlah pelaburan modal sebanyak \$158,927,946.

**Tuan Hassan bin Harun:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah mengenai kenapakah pihak Kerajaan Persekutuan apabila menyedari bahawasanya kelemahan-kelemahan seperti yang disebut tadi terdapat di negeri-negeri Pantai Timur seperti Terengganu dan Kelantan, tidak mengambil langkah-langkah yang lebih agresif untuk mengatasi masalah-masalah tadi. Sebab kalaulah tinggal terbiar keadaan begitu, sudah tentu negeri-negeri Pantai Timur ini akan terus ketinggalan jauh kebelakangan di dalam bidang perkilangan dan pembuatan.

**Tuan M.G. Pandithan:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pandangan Ahli Yang Berhormat tadi tidaklah benar. Kerajaan tidak boleh memaksa sesiapa pun untuk melabur di Pantai Timur ataupun di mana-mana negeri. Pelan Induk Perindustrian meliputi kedua-dua 'corridor', iaitu Pantai Barat dan Pantai Timur. Pantai Timur merangkumi dari Kota Bharu hingga ke Kuantan. Ini memandangkan kawasan-kawasan itu sudah mempunyai kanudahan-kemudahan iaitu infrastruktur-infrastruktur asas di samping pusat kegiatan ekonomi. Ini boleh menarik lebih banyak aktiviti-aktiviti

perindustrian. Kawasan di negeri Kelantan mempunyai 5 kawasan perindustrian yang dibangunkan dengan seluas 680.37 hektar. Tiga kawasan lagi dirancangkan iaitu di Kemubu, Jeli Tambahan dan Pengkalan Cepa **Dua**. Tambahan kawasan ini meliputi semua jenis industri. Ini meningkat usaha-usaha Kerajaan Pusat untuk membangunkan perindustrian di semua corridor iaitu corridor Pantai Timur dan Pantai Barat. Kerajaan Pusat juga sentiasa menjemput Kerajaan-kerajaan Negeri untuk menyertai dalam misi-misi Kementerian Perdagangan dan Perindustrian apabila Menteri Perdagangan dan Perindustrian membuat lawatan pelaburan ataupun lawatan perdagangan.

**Tuan Hassan bin Harun:** Minta penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Dalam soalan tambahan saya tadi, saya tidak imply bahawasanya Kerajaan perlu memaksa pada pengilang-pengilang dan pelabur-pelabur. Yang saya tanya, apakah langkah-langkah yang lebih daripada yang telahpun dibuat untuk memastikan pelaburan di tempat-tempat ini bertambah daripada keadaan sekarang supaya negeri ini tidak terus ketinggalan ke belakang?

**Tuan M.G. Pandithan:** Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya sebut tadi, kita tidak boleh memaksa sesiapa pelabur untuk melabur meliputi di negeri-negeri walaupun Pantai Barat ataupun Pantai Timur. Kerajaan membuat beberapa cadangan untuk memberi kemudahan ataupun infrastruktur-infrastruktur di Pantai Timur supaya menarik minat pelabur-pelabur asing untuk melabur di negeri-negeri Pantai Timur dan juga Pantai Barat.

**BUMIPUTERA DALAM PERNIAGAAN RUNCIT**

**8. Tuan Haji Jaafar bin Haron** minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan sejauhmanakah MARA telah membantu pengusaha-pengusaha bumiputera dalam bidang pemiagaan runcit bahagian pasaran mini, sama ada dalam bidang latihan perniagaan, kewangan dan lain-lain.

**Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar [Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali]:** Tuan Yang di-Pertua, MARA ada menjalankan beberapa usaha bagi membantu bumiputera di bidang perniagaan runcit dan juga memberi latihan dan khidmat bimbingan perniagaan, penyediaan ruang niaga untuk disewa dan juga pinjaman kewangan. Sehingga kini, MARA telah menganjurkan sejumlah 20 kursus bimbingan perniagaan runcit di mana 702 orang usahawan bumiputera telah mengambil bahagian. Di samping itu, bagi tahun 1988 sahaja, 625 orang usahawan dalam sektor perdagangan termasuk perniagaan runcit telah diberi pinjaman modal yang berjumlah lebih daripada \$6.9 juta. Sehingga kini bilangan peniaga runcit yang telah dibantu oleh MARA ialah seramai 26,623 orang. Di bawah penyediaan ruang niaga pula, sehingga ke akhir tahun 1988, MARA telah mengadakan sebanyak 3,308 unit ruang niaga bagi membantu bumiputera dalam bidang perniagaan termasuk perniagaan runcit.

MARA telah juga bekerjasama dengan PERNAS dalam bidang perniagaan runcit. Projek-projek tajaan PERNAS-EDAR seperti Kedai Jimat dan PERNAS Sub-Depo telah banyak diwujudkan di mana bantuan MARA kebanyakannya adalah dalam bentuk pinjaman modal dan juga khidmat bimbingan. Usaha terakhir ialah mengenalpasti 9 orang bumiputera bagi menjalankan perniagaan runcit tahap mini supermarket.

Program ini telah dirangka bagi membantu usahawan secara menyeluruh di mana MARA akan membantu dalam bidang-bidang penyelesaian, sumber bekalan, latihan teori selama enam bulan, bayaran elaun, latihan-amal, pinjaman perniagaan, penyediaan ruang niaga dan juga perkhidmatan bimbingan dan khidmat nasihat setelah projek beroperasi.

**Puan Ainon binti Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, pertama tahniah dan syabas kepada MARA.

Kemudian saya ingin bertanya dari jumlah seramai itu peniaga-peniaga yang diberikan peluang dalam pinjaman, bimbingan, bantuan dan lain-lain, adakah di antara mereka itu yang gagal juga dalam usahanya dan bagaimana dengan pulangan bayaran balik kepada modal yang dipinjamkan?

**Dato Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, daripada jumlah yang telah saya sebutkan tadi memang ada yang gagal dan ada juga yang berjaya tetapi yang pasti ialah mereka yang berjaya kebanyakannya adalah dengan adanya dorongan dan juga sokongan daripada MARA.

Berkenaan dengan pinjaman MARA yang belum dijelaskan yang berjumlah hampir-hampir \$160 juta kebanyakannya bukan daripada pekedai runcit tetapi kebanyakannya terdiri daripada pinjaman teksi. Pinjaman pekedai runcit walaupun banyak yang gagal tetapi kita juga dapat melihat kejayaan kedai-kedai runcit ini di luar bandar dan pada masa ini MARA hanya memberi pinjaman runcit kepada mereka yang telah dipilih oleh PERNAS EDAR dan ini kebanyakannya berjaya.

**Tuan Haji Hamid Araby bin Md. Salih:** Soalan tambahan kepada Timbalan Menteri. Saya dapati kedai-kedai runcit orang Melayu itu jika mereka mengharapkan sangat kepada barang-barang seperti barang



runcit dibekalkan oleh PERNAS EDAR, saya fikir lambat laun mereka cepat gagal, sebab saya dapati PERNAS EDAR sendiri tidak mempunyai barang-barang yang penting iaitu keperluan pengguna.

Jadi, saya rasa walaupun soalan ini telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Haji Jaafar, tetapi saya fikir eloklah juga MARA beri perhatian sedikit, mungkin PERNAS EDAR ini berlainan, tidak sama dengan MARA, tetapi bolehkah membekalkan barang-barang yang sebenarnya keperluan kedai-kedai runcit kepada orang-orang Melayu?

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, MARA menghargai peranan yang dimainkan oleh PERNAS EDAR dan saya rasa kalau ada sedikit-sedikit kelemahan ini bolehlah kita sama-sama memberikan perhatian dan bantuan dan MARA sedia memberikan kerjasama kepada mereka yang telahpun dipilih oleh PERNAS EDAR sama ada daripada segi memberikan bantuan ruangniaga ataupun pinjaman untuk modal pusingan ataupun khidmat nasihat kepada mereka-mereka ini.

#### KERAGUAN SUSU DI SEKOLAH

**9. Tuan Tan Chai Ho** minta Menteri Pendidikan menyatakan berapa orang murid telah menjadi mangsa keracunan susu di sekolah. Apakah langkah telah diambil untuk mencegah kejadian keracunan susu berlaku.

**Dr. Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, daripada 21 kes yang dilaporkan berlaku di institusi-institusi pendidikan dari tahun 1979 hingga 1988, hanya 2 kes sahaja yang dikatakan berpunca daripada susu sekolah.

Kementerian telah mengambil barapa langkah bagi mengelakkan kejadian tersebut daripada berlaku. Di antaranya ialah:

Pertama Kementerian Pendidikan sentiasa bekerjasama dengan berbagai pihak seperti Kementerian/Jabatan Kesihatan mengadakan pemeriksaan mengejut atau 'spot check' di kilang-kilang berkenaan bagi memastikan kualiti susu itu terjamin;

Langkah kedua ialah untuk mengeluarkan Buku Panduan Program Susu Sekolah.

Langkah-langkah yang lain termasuk jugalah mengingatkan pihak pengedar susu ini tentang aspek keselamatan seperti pengangkutan dan penyimpanan susu yang selamat.

Pihak pembekal susu segar juga menyediakan kemudahan seperti peti-peti sejuk di sekolah bagi mengelakkan susu itu daripada rosak.

**Puan Hajjah Habidah binti Jusoh:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, saya ingin mendapat penjelasan daripada Timbalan Menteri Pendidikan iaitu pada satu ketika dahulu kita ada mendengar ura-ura Kementerian Pendidikan hendak menggantikan bantuan susu di sekolah dengan telur. Bagaimanakah perkembangannya sekarang?

**Dr. Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, perkara ini masih dalam kajian dan program susu itu sekarang pun masih dijalankan.

#### **BAS EKSPRES PERSIARAN - TAYANGAN VIDEO LUCAH**

**10. Tuan K. Sivalingam** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan terdapat banyak perkhidmatan bas-bas ekspres persiaran dan lain-lain lagi yang berkeadaan selesa dan lengkap dengan peralatan video dan sebagainya. Ada pula setengah pengusaha bas tersebut menayangkan filem-filem yang kurang menyenangkan (lucah). Perkara seperti ini sering berlaku dalam perkhidmatan antara jam 1.00 pagi dan seterusnya:

- (a) adakah pihak Kementerian tidak menyedari hal-hal seperti ini; dan
- (b) apakah keadaan seperti ini akan dibiarkan berterusan.

**Timbalan Menteri Perusahaan Awam [Tuan Haji Daud bin Dato Haji Taha]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sememangnya sedar akan berlakunya perkara-perkara seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat. Kementerian saya juga bersependapat dengan Ahli Yang Berhormat bahawa perkara sedemikian tidak sepatutnya berlaku dan tidak boleh dibiarkan berterusan.

Walau bagaimanapun, seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, soal pemasangan alat video dan corak filem yang ditayangkan bukanlah di bawah kawalan Kementerian Perusahaan Awam. Walau bagaimanapun, memandangkan bahawa perkara ini berlaku dalam kenderaan pengangkutan awam seperti bas ekspres, pihak saya akan terus berhubung dan bekerjasama dengan pihak-pihak yang berkenaan supaya tindakan-tindakan sewajarnya dapat diambil untuk membanteras kejadian-kejadian seperti ini. Kerjasama orang ramai juga diperlukan supaya melaporkan perkara-perkara seperti ini untuk membolehkan tindakan diambil.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Manap bin Hashim.

**Puan Ainon binti Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, Soalan ke 11.

#### PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH - PEMBINAAN

**11. Puan Ainon binti Ariffin [di bawah S.O. 23(2)]** minta Menteri Pendidikan menyatakan tidakkah ada cadangan Yang Berhormat untuk membina bangunan khas untuk Pejabat Pendidikan Daerah di seluruh negara.

**Dr. Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan memang ada cadangan untuk membina bangunan untuk Pejabat Pendidikan Daerah kita di seluruh negara. Walau bagaimanapun, memandangkan peruntukan kita yang terhad itu, Kementerian Pendidikan terpaksa juga memberikan keutamaan kepada pengubahsuaian bangunan-bangunan yang sedia ada dan yang lama untuk dijadikan Pejabat Pendidikan Daerah.

**BANK KOPERASI PUSAT (CCB)- SKIM PENYELAMAT****12. Dr. Ng Khok Kiung minta Menteri Kewangan menyatakan:**

- (a) adakah Kabinet akan menyediakan garispanduan atau menetapkan tempoh masa bagi Bank Negara menyelesaikan masalah Bank Koperasi Utama (CCB); dan
- (b) jika tidak, kenapa.

**Tuan Mobd. Farid bin Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak menyediakan garispanduan atau menetapkan tempoh masa bagi Bank Negara menyelesaikan masalah CCB. Ini adalah kerana masalah yang dihadapi oleh CCB adalah rumit dan memerlukan berbagai proses tindakan sebelum rancangan penyelamat yang dipersetujui dapat dilaksanakan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telahpun ber-setuju untuk merangka satu skim penyelamat bagi CCB di mana sesebuah syarikat kewangan yang berlesen telahpun dikenalpasti untuk mengambilalih harta-harta dan tanggungan deposit CCB. Dalam rancangan penyelamat yang dicadangkan itu pendeposit-pendeposit akan menerima balik deposit mereka dalam CCB berdasarkan pembayaran balik seringgit untuk seringgit deposit

Butir-butir terperinci mengenai rancangan penyelamat ini akan diumumkan apabila segala urusan mengenainya selesai.

**HAD LAJU KENDERAAN**

**13. Tuan Hasaan bin Nam** minta Menteri Pengangkutan menyatakan iaitu berapakah had kelajuan kenderaan yang boleh dipandu di jalanraya biasa dan lebuhraya, dan berapa jumlah alat-alat pengesan laju yang telah digunakan bagi mengesan kelajuan kenderaan di jalanraya.

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail]:** Tuan Yang di-Pertua, mulai 1 hb Februari, 1989 Kerajaan telah menetapkan had laju kebangsaan di jalanraya biasa pada 90 km sejam dan di lebuhraya 110 km sejam. Walau bagaimanapun, di jalan-jalan biasa, semua kenderaan juga tertakluk kepada had kelajuan yang

telah ditetapkan di kawasan-kawasan tertentu seperti di kawasan-kawasan Penguasa Tempatan. Bagi kenderaan-kenderaan perdagangan pula, had laju adalah tertakluk kepada had laju yang ditetapkan pada badan kenderaan tersebut.

Pengesanan had laju pada masa ini hanya dijalankan oleh pihak Polis yang mempunyai sebanyak 77 unit alat pengesan had laju bagi mengesan kelajuan kenderaan di jalanraya.

**Puan Law Jack Yoon:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Timbalan Menteri, manandatangani kini ramai pemandu membawa kereta amat laju, setakat yang boleh hampir keretanya mencium kereta yang di hadapan, berapakah jarak yang diperlukan di antara dua buah kereta semasa memandu di jalanraya biasa dan lebuh-rayaya?

**Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya jarak laju yang ditentukan itu tidaklah ditentukan secara muktamad seperti misalnya 10 kaki dan sebagainya. Tetapi pada hemat saya jarak laju yang selamatlah yang sepatutnya kita jaga. Kalau saya tidak silap dulu-dulu masa saya mula-mula belajar memandu-jarak laju di antara satu kereta dengan satu kereta pada masa itu 75 kaki. Tetapi sekarang ini kalau 75 kaki tidak cukup jalan raya kita panjangnya kerana kereta telah berganda-ganda sebab kenderaan yang telah terdaftar sehingga hari ini berjumlah 4.5 juta. Jadi jarak di antara dua kereta itu rasa saya pemandu-pemandu yang cermat menentukannya sendiri supaya jarak itu selamat.

#### INDUSTRI PERHOTELAN

14. **Tuan Syed Abdul Hamid bin Sagaff** minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menyatakan sejauh mana kerjasama industri perhotelan dalam usaha menarik pelancong datang ke Malaysia sempena Tahun Melawat Malaysia 1990.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan [Tuan Abdul Raman bin Suliman]:** Tuan Yang di-Pertua, industri perhotelan memberikan kerjasama yang rapat khususnya di dalam usaha menarik pelancong datang ke Malaysia. Kerjasama tersebut adalah dalam bentuk:

- (a) penyertaan Persatuan Hotel-hotel Malaysia di dalam Jawatankuasa Kecil Kemudahan. Pelancongan, Tahun Melawat Malaysia;

- (b) menyertai rombongan galakan pelancongan ke luar negeri anjuran Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan misalnya Malaysian Travel Trade Fair di London; International Tourism Bourse, Berlin; International Tourism Exchange, Milan, Italy yang diadakan pada bulan Februari 1989. Ini memberikan peluang kepada mereka bukan sahaja untuk mempromosikan hotel-hotel mereka tetapi menarik perhatian kepada program Tahun Melawat Malaysia 1990;
- (c) mengadakan promosi-promosi secara bersendirian seperti mengeluarkan beg-beg, sticker berlambangkan Tahun Melawat Malaysia; menyebarkan tentang Tahun Melawat Malaysia dengan mempamerkan risalah-risalah di hotel-hotel masing-masing;
- (d) mengadakan kegiatan-kegiatan sampingan semasa acara-acara diadakan di kawasan mereka; dan
- (e) menjadi penganjur bersama untuk acara-acara tertentu.

**Tuan Azumu bin Tak:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kerajaan sedar bahawa disebabkan Tahun Melawat Malaysia ini semua hotel-hotel di Kuala Lumpur hari ini menaikkan sewa biliknya.

**Tuan Abdul Raman bin Suliman:** Tuan Yang di-Pertua, memang Kementerian sedar bahawa terdapat hotel-hotel menaikkan harga sewa bilik tetapi ini tidaklah bermakna bahawa mereka menaikkan sewa

bilik kerana adanya rancangan Kerajaan menganjurkan Tahun Melawat Malaysia. Walau bagaimanapun, kita harus sedar bahawa kadar hotel di negara kita mengikut kelas jika kita bandingkan dengan negara-negara lain tidaklah begitu tinggi kalau kita bandingkan dengan negara-negara jiran sekali pun. Tetapi ini berlaku mungkin kerana hotel bertaraf sederhana dari segi jumlah biliknya agak kurang di negara kita.

**Tuan Hassan bin Harun:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu dari Kementerian berkenaan dengan usaha Kerajaan hendak menarik pelancong lebih ramai lagi pada Tahun Melawat Malaysia 1990 apakah Kerajaan sedar bahawasanya dengan rate atau kadar occupancy hotel-hotel sekarang ini; apakah dengan kedatangan pelancong yang lebih ramai itu kita akan dapat cukup bilik bagi tahun yang berkenaan.

**Tuan Abdul Raman bin Suliman:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut perhatian atau kajian yang dibuat oleh pihak Kementerian jika sekiranya kadar kedatangan pelancong mengikut sepertimana yang di hasratkan atau dalam matlamat kita iaitu pertambahan sebanyak 10% dalam tahun 1990 jika kadar pertambahan seperti ini hotel-hotel Malaysia masih lagi mampu menampung pelancong-pelancong yang datang ke negara kita. Kecuali mungkin pertambahan pelancong di satu-satu tempat tertentu dengan banyak, ini mungkin menimbulkan masalah-masalah berkenaan. Tetapi dari kadar yang ada pada kita di mana kalau mengikut sekarang ini dalam tahun 1987 umpamanya Kuala Lumpur kadar occupancy rate ialah 54.7%; Penang 59.6%; kemudian kalau dikira keseluruhan Malaysia iaitu 55% maka sudah tentu dengan



pertambahan sebanyak 10% dalam tahun 1990 mungkin kita masih lagi dapat menampung pelancong-pelancong yang datang kecuali waktu-waktu tertentu atau peak period macam bulan November, Disember dan Januari. Masalah ini memang kita hadapi walaupun kita tambah lagi hotel pun. Tetapi ini mesti kita tengok ataupun buat kajian dalam bulan-bulan yang bukan peak period pula.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang terakhir. Yang Berhormat Puan Ainon binti Ariffin.

**Puan Ainon binti Ariffin:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya kepada Setiausaha Kementerian berkenaan iaitu mengenai dalam usaha hotel-hotel menyediakan kemudahan, keselesaan termasuklah hiburan adakah Kementerian membuat satu formula atau aturan tertentu supaya setiap hotel mengutamakan artis-artis negara sendiri. Sedarkah Kementerian ada kecenderungan di pihak hotel-hotel suka benar mengambil artis-artis dari luar negeri.

**Tuan Abdul Raman bin Suliman:** Tuan Yang di-Pertua, memang Kementerian selalu dalam perbincangan dan perundingan dengan pihak-pihak hotel kita meminta supaya pihak hotel memberi keutamaan kepada artis-artis tempatan. Bahkan Kementerian juga dalam membenarkan artis-artis untuk mengadakan pertunjukan di dalam negeri memang berhati-hati supaya dia boleh memberi manfaat kepada negara kita. Tetapi mungkin, ini dari segi sudut perniagaan terdapat perbezaan dari segi keperluan umpamanya pada hotel yang berkehendakkan artis-artis yang diminati oleh pelancong-pelancong yang selalu datang

ke hotel-hotel yang berkenaan ataupun untuk ditonton oleh penyewa-penyewa hotel yang berkehendakkan cita rasa yang berbeza. Ini satu perkara yang harus kita beri pertimbanganlah kepada pihak hotel untuk melaksanakan dasar mereka. Dan yang kedua dari segi perbandingan, kadar bayaran juga artis-artis yang mempunyai kebolehan dari beberapa negara tertentu adalah jauh lebih murah jika dibandingkan dengan artis-artis yang berkebolehan yang sama dengan artis-artis kita. Ini juga dari sudut perniagaan pihak hotel mungkin menimbangkan perkara ini.

#### MENANGKAP IKAN TANPA LESEN

15. **Puan Law Jack Yoon** minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) jumlah orang yang telah ditangkap untuk menangkap ikan di laut tanpa lesen;
- (b) apakah sebab-sebab untuk mereka melakukan kesalahan itu tidak mengambil lesen-lesen sebelum mereka menangkap ikan; dan
- (c) apakah tindakan-tindakan yang pihak Kementerian telah ambil untuk menolong mereka yang hendak menangkap ikan mendapat lesen.

**Dato' Alexander Yu Lung Lee:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Jumlah orang yang ditangkap tanpa lesen untuk tahun 1986, 1987 dan 1988 adalah seperti berikut.

1986 - 142 orang;

1987 - 323 orang;

1988 - 219 orang.

- (b) Semua kes-kes nelayan-nelayan tempatan yang dibawa ke mahkamah adalah kes yang mana nelayan-nelayan menggunakan peralatan menangkap ikan seperti pukut tunda tanpa lesen. Ada setengah nelayan-nelayan tidak memohon lesen oleh kerana bot mereka adalah terlalu kecil untuk diluluskan lesen tersebut ataupun bot mereka telah diberikan lesen pukut tradisi tetapi mereka ini ditangkap atas kesalahan mengusahakan pukut lain daripada yang dilesenkan itu.
- (c) Memandangkan sumber perikanan pantai telah merosot kerana diterokai secara berlebihan. Pihak Kementerian Pertanian telah membekukan pengeluaran lesen sejak tahun 1982. Oleh yang demikian, nelayan-nelayan tersebut tidak lagi digalakkan berusaha menangkap ikan di kawasan-kawasan pantai. Walau bagaimanapun, mereka ini adalah digalakkan membina bot-bot laut dalam ataupun men-ceburkan diri dalam kegiatan ekonomi di bidang lain seperti ternakan air, pertanian, pertukangan dan lain-lain.

**INSTITUSI KEWANGAN DI BAWAH AWASAN BANK NEGARA**

16. **Tuan P. Balaram** minta Menteri Kewangan menyatakan bahawa berapa banyakkah Bank-bank dan institusi-institusi kewangan di bawah pengawasan Bank Negara dan berapa banyakkah wang diberi atau dipinjamkan untuk menyelamatkan bank-bank dan institusi-institusi kewangan iai dari krisis-krisis tertentu. Apakah rancangan-rancangan masa depan Bank Negara mengenai Bank-bank dan institusi-institusi kewangan tersebut.

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini sebanyak 5 buah bank termasuk Bank Kerjasama Pusat dan 3 buah syarikat kewangan berada di bawah pengawasan Bank Negara Malaysia, Institusi-institusi kewangan itu adalah seperti berikut:-

- (i) (UAB) atau United Asian Bank;
- (ii) Perwira Habib Bank;
- (iii) Sabah Bank;
- (iv) Oriental Bank;
- (v) Bank Kerjasama Pusat;
- (vi) Supreme Finance Berhad;
- (vii) First Malaysia Finance Berhad; dan
- (viii) Kewangan Usahasama Makmur Berhad.

Jumlah wang yang disumbangkan oleh Bank Negara Malaysia sehingga ini ialah lebih kurang \$1,081 juta, (\$1.081 billion), dengan izin. Setelah institusi-institusi kewangan itu berjaya dipulihkan, Bank Negara Malaysia akan menyerahkan pengawasannya kepada pihak-pihak yang mempunyai kepentingan dalam institusi-institusi kewangan berkenaan. Bagi mendapatkan balik modalnya di dalam institusi kewangan tersebut Bank Negara Malaysia akan menawarkan saham-saham yang dipegang olehnya kepada mana-mana pihak yang berkecualan.

**PELABUR LUAR NEGERI - PERMOHONAN**

17. **Dato' Haji Zakaria bin Haji Yahaya** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) berapakah bilangan permohonan yang telah diterima dari pelabur-pelabur Luar Negeri yang berhasrat untuk melabur dalam negeri ini sehingga 28hb Februari, 1989 dan berapa pula anggaran wang yang akan mereka laburkan; dan
- (b) dari angka-angka yang tersebut berapa bilangan sebenar yang telah memulakan kegiatan-kegiatan perusahaan mereka dan jumlah pekerja yang telah diwujudkan sehingga 28hb Pebruari, 1989.

**Tuan M.G. Pandithan:** Tuan Yang di-Pertua, jawapan adalah seperti berikut:-

- (a) Bagi tempoh tahun 1980 hingga Februari 1989 sejumlah 2,903 permohonan telah diterima dengan penyertaan negara asing untuk menubuhkan projek perkilangan mereka, Jumlah anggaran pelaburan asing dalam 2,903 permohonan diterima bagi tempoh tersebut adalah sebanyak \$22,487.4 juta.
- (b) Berdasarkan kepada kajian yang telah dijalankan oleh pihak MIDA ke atas Kemajuan Peringkat Pelaksanaan projek-projek perkilangan yang diluluskan seperti pada 30hb **Jun, 1988**, daripada sejumlah 2,188 projek perkilangan yang diluluskan oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dengan penyertaan negara asing bagi tempoh tahun 1980 - 1987, 1,119 projek telah dilaksanakan dengan cadangan gunatenaga yang akan diwujudkan sebanyak 147,403 peluang pekerjaan.

Sementara, 615 projek masih dalam peringkat awal pelaksanaan dengan cadangan gunatenaga yang akan diwujudkan sebanyak 72,761. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek-projek yang diluluskan bagi tahun 1988 masih dalam kajian.

#### PEPERIKSAAN SRP/SPM/STPM - KERTAS JAWAPAN

18. **Puan Valli Muthusamy** minta Menteri Pendidikan menyatakan bolehkah Kementerian memulangkan kertas jawapan peperiksaan SRP, SPM dan STPM supaya seseorang calon peperiksaan itu mendapat melihat sendiri bagaimana ia mendapat markahnya.

**Dr. Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat pada soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat ini bahawa Kementerian tidak boleh memulangkan kertas jawapan Sijil Rendah Pelajaran (SRP), Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia kerana perbuatan demikian adalah bertentangan dengan Undang-undang Peperiksaan dan untuk makluman Yang Berhormat bahawa ini adalah terlibat di bawah Seksyen 26, Akta 225, Majlis Peperiksaan Malaysia tahun 1980. Jadi, untuk makluman Ahli Yang Berhormat permintaan ini tidak dapat dijalankan,

**Tuan Azumu bin Tak:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah seseorang itu membuat rayuan untuk dikaji semula sesuatu kertas itu?

**Dr. Leo Michael Toyad:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam menguruskan Peperiksaan Am seperti yang kita adakan untuk SRP, SPM dan STPM ini, sebelum mengadakan peperiksaan, Lembaga dan juga badan-badan yang berkaitan dengan Peperiksaan Am ini menyediakan Skim Pemarkahan sebagai bantuan kepada pemeriksa-pemeriksa menilai jawapan calon-calon kita dan sebelum itu juga mereka yang terlibat dalam penilaian ini juga diberi kursus dan juga berbincang atas

garis-garis panduan dan juga pertimbangan-pertimbangan yang asas untuk memberi setiap markah itu. Oleh kerana langkah-langkah yang tertentu telah diambil sebelum kita menilaikan peperiksaan itu, jadi rayuan yang dipohon itu tidak biasanya diberi.

#### JAWATANKUASA KHAS KABINET MENGENAI PENGURUSAN KERAJAAN

19. **Puan Ainon Ariffin** minta Perdana Menteri menyatakan mengenai "Sistem Ombudsman" dan peranan Jawatankuasa Khas Kabinet mengenai Pengurusan Kerajaan terhadap kes-kes penyelewengan dalam Jabatan-jabatan Kerajaan dan Badan-badan Berkanun, berapa banyakkah kes-kes yang telah dikenalpasti dan apakah tindakan yang telah diambil bagi mengatasi gejala-gejala ini.

**Puan Ainon binti Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan saya No. 19 tetapi sebelum itu saya ingin membuat pembetulan iaitu perkataannya "pengurusan Kerajaan terhadap kes-kes penyelewengan" bukan "terdapat". Soalan No. 19.

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin menjawab soalan ini bagi pihak Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Kerajaan iaitu Yang Berhormat Encik Anwar Ibrahim.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tujuan Jawatankuasa ini ditubuhkan ialah untuk mencari jalan bagi mengatasi serta mengelakkan penyelewengan dalam pengurusan Kerajaan serta memastikan tindakan tatatertib diambil secara berkesan ke atas pihak-pihak yang terlibat. Jawatankuasa ini bertindak mengkaji kelemahan-kelemahan yang terdapat dalam pengurusan Kerajaan dan akan memperakukan kepada pihak yang berkenaan bagi:

- (a) Mengatasi kelemahan-kelemahan pengurusan kewangan dan pengurusan program dan projek Jabatan dan agensi-agensi Kerajaan serta badan-badan berkanun.
- (b) Meningkatkan lagi kesedaran terhadap accountability, dengan izin.

Mengenai dengan 'Sistem Ombudstnan', Jawatankuasa Pengurusan Kerajaan telahpun meminta supaya Professor Syed Hussin Al-Attas daripada Universiti Malaya membuat satu kajian mengenainya pandangan-pandangan orang ramai juga mengenai perkara ini dialukan. Pada masa ini, Jawatankuasa Pengurusan Kerajaan sedang mengkaji beberapa kes termasuk beberapa kes RISDA yang telahpun ditimbulkan beberapa kali oleh Laporan Ketua Audit Negara. Kajian yang terperinci akan diserahkan kepada pihak Biro Pencegah Rasuah terhadap kes-kes ini.

Jawatankuasa ini juga mungkin perlu mengeluarkan beberapa panduan dan arahan untuk dipertimbangkan oleh Kerajaan bagi mengatasi masalah peayelewengan dalam Pengurusan Kerajaan.

#### LAWATAN KE CHINA - HAD UMUR

20. Tuan Lau Keng Siong minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah rancangan akan diperlaksanakan untuk membebaskan had umur kepada sesiapa yang telah atau akan memohon kebenaran pergi ke negeri China. Patutlah Kerajaan Malaysia bebaskan had umur kepada sesiapa yang telah memohon kebenaran pergi ke negeri China dengan tujuan melawat dan perdagangan kerana ada beberapa saudagar-saudagar sangat muda dan mempunyai potensi dalam perdagangan.

#### **Timbalan Menteri Perusahaan Utama [Dato' Alias bin Md. Ali]:**

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bagi pihak Yang Berhormat Menteri Luar Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, sekatan umur hanya dikenakan untuk melawat keluarga-keluarga terdekat atau saudara mara ke Republik Rakyat China (RRC) dan bagi lawatan-lawatan sosial sekali seumur hidup. Had umur yang dikenakan ialah 30 tahun ke atas bagi lawatan keluarga terdekat dan 60 tahun ke atas bagi lawatan sosial sekali seumur hidup.



Bagi lawatan-lawatan perdagangan dan ekonomi, tidak ada had umur dikenakan dan pemohon-pemohon dipertimbangkan berdasarkan keupayaan dan potensi mereka untuk berdagang atau melabur di RRC.

#### TERNAKAN KERANG

21. **Puan Hajjah Rosnah binti Haji Mohd, Salleh** minta Menteri Pertanian menyatakan berapa banyakkah kerang dieksport tiap-tiap tahun dan berapa luaskah tempat menternak kerang di seluruh Malaysia.

**Dato' Alexander Tu Lung Lee:** Tuan Yang di-Pertua, luas kawasan ternakan kerang ialah 4,187 hektar. Pecahan mengikut negeri adalah seperti berikut:-

Perak	3,368 hektar
Selangor	503 "
Pulau Pinang	182 "
Kedah	82 "
Melaka	32 "
Johor	20 "

Pengeluaran tahunan adalah seperti berikut:-

Tahun 1985	44,761 tan metrik
1986	45,664
1987	40,802

Eksport kerang dari Semenanjung Malaysia adalah seperti berikut:-

Tahun	Quantiti (tan metrik)	Nilai (\$ Juta)	Destinasi Utama	
			Thailand	Singapura
1985	7,388	2.1	68.4%	25.7%
1986	20,028	5.5	80.6%	16.2%
1987	23,889	6.8	85,0%	12.6%

#### KEMPEN ANTI-MINYAK KELAPA SAWIT

22. **Dr. Tan Chong Keng** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Institut Penyelidikan Minyak Kelapa Sawit Malaysia untuk mengatasi kempen anti-minyak kelapa sawit oleh kumpulan-kumpulan Lobby dan American Soyabean Association.

**Dato' Alias bin Md. Ali:** Kerajaan Malaysia mengeskport minyak Kelapa sawit dan menembusi pasaran-pasaran di seluruh dunia seperti negara-negara Eropah, Timur Jauh, Asia Barat, Asia Selatan dan Amerika Syarikat. Ia juga merupakan pengeluar utama minyak dan lemak di dunia selama ini. Ini telah menyebabkan pihak-pihak tertentu khususnya Persatuan Kacang Soya Amerika Syarikat berasa terantam. Oleh itu ASA bersama dengan penyokong mereka telah menggunakan isu kesihatan untuk melaksanakan kempen anti-minyak kelapa sawit dengan tujuan mencemarkan imej minyak kelapa sawit kita, walaupun soal sebenarnya melibatkan soal mempertahankan dan memperbesarkan syernya di pasaran minyak dan lemak dunia.

Untuk menangkis kempen anti-minyak kelapa sawit itu sejak awal 1987, Kementerian dengan kerjasama industri telah merangka dan melaksanakan suatu strategi yang melibatkan langkah-langkah seperti berikut:-

- (i) mengatur projek-projek penyelidikan ke atas nilai khasiat dan nilai pemakanan minyak kelapa sawit di Amerika Syarikat dan juga negeri-negeri lain untuk membuktikan semula bahawa minyak kelapa sawit adalah minyak yang berkhasiat dan berfaedah dari segi kesihatan;
- (ii) menghebahkan maklumat yang didapati mengenai nilai-nilai minyak kelapa sawit kepada para pengguna dan pengusaha-pengusaha dalam bidang berkenaan;
- (iii) mengesankan dan menentang segala Rang Undang-undang berbentuk diskriminasi terhadap minyak kelapa sawit yang dicadangkan di Amerika Syarikat; dan
- (iv) mendapatkan bantuan dan sokongan pihak pengusaha untuk membanteras kempen ASA itu.

Untuk mengatur projek-projek penyelidikan ke atas nilai khasiat minyak kelapa sawit di dalam dan luar negeri adalah dijalankan oleh Institut Penyelidikan Minyak Kelapa Sawit Malaysia (PORIM) sejak 2 tahun yang lalu. Antara projek penyelidikan tersebut kebanyakannya adalah dijalankan di Amerika Syarikat untuk membolehkan saintis di Amerika Syarikat sendiri membuktikan minyak kelapa sawit adalah minyak yang berkhasiat dan berfaedah bagi kesihatan. Langkah-langkah tertentu telah diambil untuk menyebarkan penemuan-penemuan penyelidikan melalui pendedaran risalah, seminar, persidangan, akhbar dan perbincangan dengan pakar-pakar pemakanan dan pengusaha-pengusaha.

Baru-baru ini Malaysia juga, telah meletakkan iklan dalam akhbar-akhbar dan majalah-majalah di Amerika Syarikat untuk memamerkan kebaikan minyak kelapa sawit. Penemuan penyelidikan sekali lagi mengesahkan khasiat dan faedah minyak kelapa sawit, dan usaha-usaha ini akan diteruskan apabila penemuan baru diperolehi dari projek penyelidikan yang lain.

Di bidang perundangan, Kementerian Perusahaan Utama sentiasa mengesan Rang Undang-undang Pelabelan yang dicadangkan oleh Kongres atau ahli-ahli Senate Amerika Syarikat yang berbentuk diskriminasi terhadap minyak kelapa sawit. Saya suka memaklumkan di Dewan yang mulai, ini bahawa dalam usaha negara membantah Rang Undang-undang tersebut, Malaysia telah juga mendapat sokongan daripada Pentadbiran Amerika Syarikat, pihak Pentadbiran Makanan dan Dadah Amerika Syarikat (FDA) dan juga pengusaha-pengusaha dalam bidang berkenaan. Sehingga ini usaha kita untuk mempertahankan imej dan kepentingan minyak kelapa sawit telah mencapai kejayaan. Umpamanya usaha-usaha Ahli-ahli Kongress dan Senate Amerika Syarikat untuk mewujudkan undang-undang melabel yang mengdiskriminasi minyak kelapa sawit, minyak tropika, telah gagal setakat ini. Di peringkat pengguna pula, maklumat-maklumat sebenar mengenai minyak kelapa sawit juga telah berjaya disalurkan kepada para pengguna, pihak pengusaha dan juga saintis-saintis yang pakar dalam bidang pemakanan melalui media massa, perbincangan, seminar, perjumpaan dan sebagainya dengan bertambahnya penemuan projek-projek, penyelidikan ke atas minyak kelapa sawit yang diperolehi, saya yakin bahawa akhirnya makin ramai pengguna akan menyedari kelebihan minyak kelapa sawit. Walau bagaimanapun, Malaysia akan terus menjalankan usaha untuk mengujudkan strategi baru, jika perlu, untuk mencapai kejayaan membanteras kempen dan usaha memburukkan minyak kelapa sawit.

**Tuan Azumu bin Tak:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah apakah usaha pihak American Soyabean Association dan kumpulan Lobby ini juga berjaya menjejaskan pasaran kelapa sawit Malaysia di Eropah dari negara-negara lain yang menggunakan kelapa sawit?

**Dato' Alias bin Md. Ali:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini usaha-usaha yang dijalankan oleh ASA Ini tidak menjejaskan pasaran minyak kelapa sawit kita di negara-negara Eropah dan negara-negara lain kecuali sejak akhir-akhir ini penjualan minyak kelapa sawit di Amerika Syarikat sendiri telah turun sebanyak 30%. Walau bagaimanapun, adalah sukar untuk memastikan bahawa penurunan ini semata-mata berlaku kerana adanya kempen minyak kelapa sawit itu. Penurunan ini mungkin sebahagian daripadanya adalah disebabkan oleh harga minyak kelapa sawit itu sendiri pada ketika itu terlampau tinggi menyebabkan pihak penggunaan-pengguna beralih kepada minyak-minyak lain yang lebih murah pada ketika itu.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut sudah cukup.

**[Waktu untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 23 hingga 54 adalah]**

**RANG UNDANG-UNDANG**  
**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1988)**

**Bacaan Kali Yang Kedua**

4.07 ptg.

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang bernama "Suatu Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulanwang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1988 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud—maksud yang tertentu" dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini meminta kebenaran bagi peruntukan berjumlah \$259,331,700 dikeluarkan daripada Kumpulanwang Disatukan untuk membiayai perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1988. Sebenarnya, Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama, 1988 adalah berjumlah \$562,616,600, tetapi sebanyak \$259,331,700 sahaja diminta diluluskan di bawah Pasal 2 Rang Undang-undang ini, kerana baki daripada jumlah peruntukan tersebut sebanyak \$333,284,900 adalah merupakan Perbelanjaan Tanggungan yang tertakluk kepada perbekalan undang-undang tertentu.

Tambahan terbesar berjumlah \$119.4 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.26, Kementerian Pendidikan, untuk menampung bayaran emolumen disebabkan pertambahan jawatan guru dan jawatan sokongan di sekolah-sekolah dan asrama serta pengisian kekosongan jawatan dan di samping itu untuk melaksanakan beberapa aktiviti baru iaitu Kurikulum Baru Sekolah Menengah (KBSM), kenaikan taraf Maktab Perguruan Sultan Idris kepada Institut Pendidikan Sultan Idris dan Pusat Matrikulasi Kuala Pilah.

Selain daripada itu, tambahan sebanyak \$57.7 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.7, Jabatan Perdana Menteri untuk membiayai projek-projek kecil infrastruktur, kemudahan-kemudahan awam dan sosial serta keagamaan bagi kawasan—kawasan bandar dan luar bandar dan lain-lain perbelanjaan mengurus Jabatan tersebut.

Sebanyak \$25.3 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.34, Kementerian Kesihatan untuk membiayai perbelanjaan di bawah Perkhidmatan dan Bekalan dan Pemilikan Harta Modal; sebanyak \$18.3 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.8 Jabatan Perkhidmatan Awam untuk membiayai elaun-elaun kepada siswazah-siswazah yang mengikuti Skim Khidmat Sambilan (SKS), Skim Latihan Khas Kedua (SLK) dan Skim Latihan Tenaga Nuklear. Sebanyak \$14.5 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.36 - Polis Di Raja Malaysia untuk menampung bayaran emolument dan elaun-elaun kepada anggota-anggota polis serta lain-lain perbelanjaan mengurus jabatan tersebut. Sebanyak \$10 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.30, peruntukan kepada Kumpulanwang Terkanun untuk dipindahkan kepada Tabung Pusingan Kumpulanwang Amanah Pinjaman Perumahan Kepada Golongan Berpendapatan Rendah, sebagai tambahan kepada jumlah peruntukan yang telahpun diluluskan sebanyak \$20 juta. Yang lain-lainnya adalah merupakan tambahan-tambahan kecil untuk berbagai-bagai perkhidmatan di bawah lain-lain Kementerian dan Jabatan.

Butir-butir dan keterangan lanjut mengenai peruntukan tambahan bagi Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama 1988 adalah seperti dalam penyata Anggaran Tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 1/1989 dan dalam memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan swbagai Kertas Perintah 1A/1989.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Tuan Haji Jaafar bin Harun:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di—Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta bagi menggunakan wang daripada

Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1988 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu, dibacakan kali yang kedua sekarang dari tersuka untuk dibahaskan;

#### 4.14 ptg.

**Tuan Dahalan bin Haji Embun:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana memberi saya peluang untuk membahas secara ringkas dan seterusnya menyokong di atas Rang Undang-undang Akta Perbekalan Tambahan (1988) 1989.

Pada masa-masa yang lepas saya biasa menyentuh mengenai perbezaan (variant) di antara Budget dan Perbelanjaan. Sudah menjadi lazim kepada Dewan ini untuk menerima, membahas dan meluluskan Belanjawan Tambahan seperti **ini**. Saya tidak faham bagaimanakah perbelanjaan selalu melebihi peruntukan, Mungkinkah ini untuk memenuhi, janji-janji yang dibuat oleh Menteri-menteri selepas kelulusan budget ataupun sebenarnya short-budget, dengan izin. Sekiranya memang short-budget, apakah ini disebabkan oleh rancangan yang tidak begitu **teliti** oleh pihak pentadbir. Sekiranya memang kesilapan pihak pentadbir, apakah Kerajaan tidak menggunakan pakar-pakar akaun yang bertauliah untuk membuat budget Kerajaan. Sekiranya tidak, inginlah saya mencadangkan supaya lebih banyak akauntan bertauliah diserapkan dalam pentadbiran untuk mengatasi masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak akan menempuh satu persatu peruntukan bagi satu-satu Kementerian yang meminta wang tambahan **ini**. Sebaliknya, saya ingin tempuh mengenai kewangan negara di aspek-



aspek yang lain yang boleh menjejaskan suasana kewangan dan politik negara. Bagaimanapun oleh sebab tambahan-tambahan seperti yang disebutkan oleh Timbalan Menteri tadi, ini adalah untuk matlamat-matlamat yang berfaedah kepada rakyat dan negara, saya memberi sokongan saya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal kewangan negara **ini**, beberapa kejadian telahpun berlaku yang menjejaskan taraf kewangan negara. Penurunan nilai wang kita berbanding dengan matawang asing telah beberapa kali disebut. Trend ini amat susah diduga hinggakan bukan sahaja nilai wang kita turun berbanding dengan nilai wang Singapura, Amerika dan Jepun, tetapi akhir-akhir ini nilai wang Thailand pun telah mengatasi nilai wang kita. Banyak sekali industri kita yang berasaskan barang import yang terjejas yang menyebabkan harga tempatan meningkat naik, Contohnya, bahan-bahan seperti besi yang menjejaskan industri pembinaan.

Tuan Yang di-Pertua, satu praktik kewangan yang saya tidak faham ialah bayaran pengimportan dan pengeksportan barangan dibuat dalam matawang asing yang menyebabkan pertukaran wang di mana wang kita tidak mendapat nilai yang adil. Saya ingin mencadangkan agar Kerajaan menggalakkan pembayaran eksport dan import ini dibuat dalam matawang Malaysia. Dengan ini sekurang-kurangnya kita mewujudkan demand, dengan izin, untuk wang Malaysia. Dengan adanya demand, maka nilai wang kita akan naik dibanding dengan nilai wang asing dan keyakinan terhadap nilai wang kita akan bertambah kuat.

Tuan Yang di-Pertua, satu masalah praktik kewangan yang menjejaskan suasana ekonomi negara ialah **compound interest** yang

telahpun dijelaskan oleh Menteri tadi yang banyak memberi masalah kepada peminjam yang tidak dapat menyelesaikan hutang mengikut jadual. Seringkali berlaku compounding hinggakan faedah meningkat lebih tinggi daripada hutang pokok. Faedah sudah beranak pinak dan cucu sudah menjadi besar lebih daripada datuk, bukan sekadar \$1,000 menjadi \$2,000 ada yang sudah berlipat ganda hinggakan jumlahnya sudah menjadi tidak munasabah lagi. Dalam hal ini saya cadangkan agar Kerajaan mewujudkan kaedah pembayaran faedah pinjaman yang lebih sesuai, adil dan munasabah. Mungkin kaedah yang dikenakan oleh Bank Islam dapat diubahsuai supaya digunakan oleh bank-bank dan dengan ini dapat juga kita menghapuskan riba yang menyalahi agama Islam.

Tuan Yang di-Pertua, pihak Kementerian sendiri telah mengakui bahawa ada kegiatan hedging oleh setengah-setengah orang kaya, setengah badan-badan korporat dan kemungkinan bank-bank asing atau tempatan yang telah menukar wang Malaysia kepada wang asing untuk cushion kejatuhan nilai wang Malaysia. Kegiatan ini akan mengakibatkan bertambahnya kelunsuran nilai wang Malaysia dan saya cadangkan supaya Kerajaan mengesan dan bertindak ke atas kegiatan ini. Dalam hal kewangan ini juga selepas kita melalui beberapa peristiwa penyelewengan kewangan, saya ingin menyarankan supaya pihak-pihak yang bertanggungjawab mengenai perjalanan kewangan negara diberi kuasa bertindak untuk memperbaiki keadaan kewangan negara serta merta supaya tidak diselewengkan lagi. Jika perlu kuasa tambahan diberi. Pihak Public Accounts Committee dan Akauntan General hanya sekadar membuat laporan tetapi tidak diberi kuasa bertindak. Rasa

Rasa saya ini tidak cukup. Mereka seharusnya diberi kuasa lebih luas lagi supaya dapat mereka mengambil corrective action, dengan izin, dan tindakan yang wajar seperti Gabenor Bank Negara yang diberi kuasa untuk bertindak terhadap bank-bank dan syarikat-syarikat insurans. Cadangan saya ini wajar kerana selepas saya meneliti beberapa laporan kewangan, badan-badan dan agensi-agensi Kerajaan saya dapati masih keadaan tidak berubah dari tahun ke setahun sungguhpun teguran dan kelemahan telahpun di highlight, dengan izin, dalam laporan Auditor General, malahan didapati banyak sekali peraturan-peraturan pcrakaunan dicabuli tanpa dibaiki keadaannya.

Tuan Yang di-Pertua, inginlah saya menoleh sedikit kepada masalah kemiskinan dan pengangguran dan peranan Kementerian Kebajikan Masyarakat yang tidak disebut di dalam Rang Undang-undang **ini**. Hal ini adalah perkara yang sensitif dan sulit. Kita mesti memberi definisi yang tepat apakah itu dia kemiskinan. Siapakah yang miskin dan siapakah yang kaya? Siapakah yang sebenarnya miskin? Apakah taraf kehidupan seseorang miskin itu? Kita dapat analisis dengan berbagai kaedah. Ada yang miskin yang manganggur, ada juga miskin moden, iaitu selepas kaya sebentar. Ada yang pencen, ada yang tua, yang cacat dan daif, ada yang buta huruf. Ada yang berpelajaran dan ada yang menjadi miskin kerana hutang.

Jadi, miskin ini ada miskin moden, ada miskin tradisional dan original. Seharusnya, Tuan Yang di-Pertua, kita mesti memberi perhatian kepada miskin yang tradisional dan original ini yang tidak tahu membezakan apa nikmat hidup secara mewah, lebih-lebih lagi yang menganggur, mereka hanya tahu susah dan bersyukur kepada Allah atas apa jua yang mereka menerima itu.

Tuan Yang di-Pertua, ada yang miskin dan menganggur, ada yang menganggur yang miskin, ada yang menanggur yang tidak mahu kerja. Jadi di antara miskin dan menganggur ini yang tenat sekali ialah yang miskin dan menganggur, di sinilah penekanan Kerajaan sebagai core/group untuk dibantu serta-merta.

Dalam hal miskin dan daif ini saya cadangkan supaya bantuan terus diberi melalui Kementerian Kebajikan Masyarakat dan saya cadangkan supaya geran terus dinaikkan. Sekarang hanya 25% dari peruntukan iaitu hanya \$15 juta diuntukkan sebagai geran terus, kepada penerima-penerima. Kadar bantuan pun sedikit sangat dan tidak mencukupi; ada juga yang menunggu bantuan sebegitu lama sebelum baru dapat.

Tuan Yang di-Pertua, di sini inginlah saya sebut angka-angka yang berkaitan tetapi sebelum daripada itu inginlah saya ucap tahniah kepada kerajaan kerana memperuntukkan 1% daripada jawatan kepada orang-orang cacat. Peruntukan pada tahun 1988 ialah \$49.4 juta dan bagi tahun 1989 adalah \$51.4 juta iaitu kenaikan hanya \$2 juta. Daripada sini gaji 30%, geran terus 25% iaitu yang \$15 juta tadi dan untuk rumah-rumah orang tua dan lain-lain 44%. Kadar bantuan geran pula untuk orang tua hanya \$50 sebulan, untuk keluarga \$35 hingga ke \$115, untuk projek perniagaan \$2,500.

Daripada sini kita dapati juga penerima bantuan terdiri daripada 90% orang Melayu dan 10% bukan orang Melayu. Geran yang dikeluarkan untuk sekolah pada tahun 1987 ialah untuk sekolah hanya \$1.3 juta yang melibatkan 21,000 orang penuntut, orang tua \$6.1 juta yang melibatkan 11,000 orang, kanak-kanak \$5.1 juta yang melibatkan 6,000 orang dan bantuan am \$2.9 juta melibatkan 5,700 orang. Ini berjumlah \$15.4 juta seperti yang disebut oleh saya tadi sebagai geran terus.

Jadi cadangan saya di sini ialah:

- (1) Kerajaan harus memberi tambahan di atas kadar bantuan iaitu daripada \$50, \$35 hingga ke \$115 ini kepada satu tahap yang munasabah; dan
- (2) saya sarankan kepada Kerajaan juga untuk memberi peruntukan terutama untuk geran terus iaitu melebihi \$15 juta hingga ke satu tahap yang lebih munasabah.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Akta Perbekalan Tambahan (1988) 1989 ini tidak ada pun tambahan diberi kepada Kementerian Kebajikan Masyarakat, mungkin ini tidak dimohon. Saya mohon pihak Kerajaan memberi perhatian atas saranan saya kerana kumpulan manusia miskin dan daif inilah yang sebenarnya target untuk dibantu oleh Kerajaan. Seringkali kumpulan daif ini yang tak berumah, tak berharta, tak ada matapencarian yang menjadi sasaran kritikan oleh pihak musuh Kerajaan. Inilah diguna sebagai bahan kritikan terhadap cuainya Kerajaan dalam membanteras kemiskinan. Yang terbukti di sini, Tuan Yang di-Pertua, daripada penerima bantuan telah saya sebut tadi 90% adalah dari golongan kaum bumiputera. Ini membuktikan bahawa inilah golongan yang Kerajaan harus teruskan usaha untuk menolong kerana mereka betul-betul perlu bantuan.

Sehubungan dengan hal ini juga inginlah saya sentuh mengenai rungutan dari pihak-pihak lain yang kononnya atau sebenarnya tidak mendapat perhatian dari pihak Kerajaan hinggakan segala kepentingan hanya ditumpukan kepada kaum bumiputera sahaja. Inginlah saya mengesyorkan kepada Kerajaan supaya menyiasat di atas segala tuduhan-tuduhan sama ada tuduhan-tuduhan itu bermotif sesuatu yang berasaskan hanya kepada emosi dan tidak kepada kenyataan sebenar. Di antara rungutan-rungutan tersebut banyak telahpun dicetak dan contohnya ialah dalam satu tetakan yang membayangkan seolah-olah bangsa lain daripada Melayu tidak akan ada 'future', dengan izin. Apakah unjuran-unjuran dan data-data yang diberi itu munasabah dan 'statistical' ataupun hanya 'emotional charges'? Sekiranya tuduhan-tuduhan itu memang benar, saya pun amat bersimpati dan mencadangkan supaya Kerajaan membuat sesuatu.

Dalam hal ini juga dan sekiranya tidak benar saya sarankan kepada pihak-pihak yang berkenaan supaya lebih berhati-hati dalam apa jua tuntutan, kerana kita ini berbilang kaum. Saya pun tak tahu siapa yang kaya, semua orang menuntut dia miskin, yang ada lesen loteri pun miskin dah banyak berhutang, wallahuallam.

Tuan Yang di-Pertua, perbezaan pendapatan bukan punca masalah perpaduan antara kaum atau sesama kaum. Sesama kaum pun bergaduh, sesama adik-beradik pun bergaduh. Yang menjadi punca masalah perpaduan kaum ialah dakyah-dakyah oleh sesuatu pihak terhadap puak yang lain, bukan kerana masalah ekonomi tetapi ini menjadi sebagai alasan sebagai punca masalah perpaduan,

Tuan Yang di-Pertua, untuk mengakhiri, ingin saya sentuh mengenai peruntukan tambahan untuk Jabatan Perdana Menteri. Saya ingin cadangkan agar pihak Kementerian membuat peruntukan bagi

menubuhkan satu institut dakwah di bawah naungan Lembaga Urusan dan Tabung Haji untuk mengatasi kekurangan pendakwah-pendakwah yang betul dan diiktiraf oleh Kerajaan. Sekiranya cadangan ini terpaksa melibatkan meminda Akta Lembaga Urusan dan Tabung Haji, saya rasa inipun wajar kerana ini tidak akan melibatkan apa-apa peruntukan dari Treasury sebaliknya pembiayaannya akan dikeluarkan oleh Tabung Haji sendiri. Institut yang dicadangkan itu boleh mengendalikan usaha-usaha pendakwaan melalui latihan-latihan kepada pendakwah-pendakwah serta mengendalikan 'Islamic machinery', dengan izin, yang sebenarnya diiktiraf dan selaras dengan kehendak ajaran agama Islam.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata tadi dan dengan penuh keyakinan saya berharap pihak Kerajaan memberi perhatian dan pertimbangan di atas syor-syor dan cadangan-cadangan saya tadi.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dato' Haji Zakaria.

4.29 ptg.

**Dato' Haji Zakaria bin Haji Yahaya:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi saya peluang untuk bersama-sama membahaskan Akta ataupun Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan bagi tahun 1988.

Kita semua telahpun mendengar penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan semasa membentangkan Rang Undang-undang ini dan saya juga telah membaca Kertas Perintah 1 tahun 1989, yang mana penerangan secara terperinci mengenai perbelanjaan-perbelanjaan telahpun diberikan. Kesimpulannya bahawa saya dapati perbelanjaan itu adalah perlu untuk membiayai perkara-perkara yang datang di luar jangka dan diperlukan. Saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang Perbekalan ini.

Walaupun demikian, saya suka mengambil kesempatan dalam membahaskan Rang Undang-undang ini. Ada beberapa perkara penting yang telah lama terabai atau tidak mendapat perhatian yang sepatutnya dapat diberikan perhatian yang sewajarnya untuk membendung keadaan dan juga memperbaiki anggota masyarakat atau rakyat negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menimbulkan masalah yang sedang dihadapi oleh kaum belia di negara kita **ini**. Lebih daripada 60% penduduk di negara ini terdiri daripada golongan belia yang berumur di antara 15 - 40 tahun. Mereka merupakan anggota masyarakat yang teramai, jadi pembangunan belia pada hakikatnya adalah juga pembangunan masyarakat. Apa sahaja aspek pembangunan pasti menyentuh kaum belia. Kepimpinan politik khususnya di peringkat akar umbi, dengan izin, the grassroot, wajibliah sedar bahawa orientasi politik yang disogokkan kepada belia-belia hari ini ataupun political education, akan membentuk ke arah dan haluan pegangan belia pada masa akan datang. Kementerian yang berkenaan di samping sudah sedia mewujudkan berbagai-bagai bentuk program kepada kaum belia, seharusnya juga memikirkan dan merancang program-program jangka panjang. Kita tidak seharusnya lalai dengan program-program glamour, yang cuma dapat mengisi kehendak-kehendak semasa atau untuk jangka pendek sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, sejak beberapa lama kita mendengar **ter-**dapat kekurangan Pegawai Belia dan Sukan di berbagai peringkat, khususnya di peringkat daerah. Hampir semua daerah di negara ini terasa amat jelas akan keadaan **ini**. Pada keseluruhannya, cuma ada seorang sahaja Pegawai Belia dan Sukan di peringkat daerah. Beliau-lah yang dipertanggungjawabkan dengan kerja-kerja penyelarasan



mengenai aktiviti belia, sukan dan kebudayaan. Di samping itu mereka juga dibebankan dengan program-program lain yang dikendalikan oleh pihak-pihak tertentu seperti Kerajaan Negeri, Pegawai Daerah dan lain-lain, bersama-sama dalam sambutan perayaan yang diadakan dari masa ke semasa. Pejabat-pejabat mereka, saya maksudkan Pejabat Pegawai Belia dan Sukan Daerah, pada umumnya didapati amatlah daif tanpa kemudahan-kemudahan pengurusan yang baik dan moden dan kemudahan pengangkutan juga tidak ada untuk keperluan belia-belia setempat. Seringkali Pegawai-pegawai Belia inilah yang menjadi superman atau orang yang paling gagah di daerah itu yang meminta, merayu jasa baik Jabatan-jabatan lain untuk meminjamkan kenderaan-kenderaan yang menjadi tumpuan, biasanya ialah Pejabat Daerah. Dengan keadaan-keadaan tersebut, kita tidak boleh menaruh jangkauan atau harapan yang tinggi terhadap mereka. Saban hari masalah belia semakin bertambah rumit. Sebut sahajalah apa masalahnya, pasti belia akan terbabit sama.

Tuan Yang di-Pertua, sesuai dengan kemajuan ilmu dan teknologi pada hari ini, kebolehan pegawai-pegawai yang menguruskan kerja-kerja belia ini amatlah perlu dimajukan sama. Pihak yang berkenaan hendaklah menyusun program-program latihan tetap dan berterusan kepada semua peringkat pegawai dan kakitangan yang menguruskan kerja-kerja belia ini. Konsep-konsep yang baru perlulah dicipta, kaedah-kaedah yang moden perlulah dicari untuk menggantikan cara-cara lama yang tidak lagi sesuai dan ketitiggalan zaman.

Sebagai mana kita maklum, buat masa ini lebih kurang 50,000 siswazah yang menganggur. Mereka ini termasuk dalam golongan mana -

beliakah atau apa? Berdasarkan kepada umur mereka termasuk dalam golongan belia, oleh itu mereka juga memerlukan bimbingan. Oleh itu pegawai-pegawai dan tenaga yang menguruskan belia ini amat perlu diberi motivasi yang tinggi dan kemahiran yang setimpal,

Program pembangunan untuk belia mestilah disatukan, tidak sepatutnya berlakupertandinganataupertindihandalamkerja-kerja pembangunan yang rumit dan kompleks ini. Kerajaan wajiblah serius dalam hal ini dengan menyediakan peruntukkan yang lebih besar kepada Kementerian yang berkenaan. Apa yang berlaku pada hari ini ialah, seumpama kain selimut singkat - tutup kaki nampak kepala, tutup kepala nampak kaki - jadi hasilnya juga begitu. Kerja-kerja pembangunan untuk belia ini tidak boleh dilakukan secara sambil lewa atau main-main sahaja. Kita dapati pada hari ini, sudah ada orang-orang tertentu yang cuba memperlakukan dan memperalatkan kaum belia untuk menentang Kerajaan. Tindak tanduk mereka ini jika tidak diawasi akan menimbulkan implikasi politik jangka panjang yang memecahbelah dan merugikan masyarakat Melayu dan rakyat Malaysia ini. Kerajaan perlu bertindak tegas sebelum nasi menjadi bubur.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian berkenaan perlu menetapkan prioritinya. Kedua-dua bidang pembangunan iaitu pembangunan belia dan pembangunan sukan perlu diseimbangkan. Sukan ada glamour yang dapat menarik perhatian berbagai golongan masyarakat dari berbagai peringkat. Glamour sebegini tidak ada dalam kerja-kerja belia, tetapi kita jangan lupa bahawa kaum belia ini adalah juga pengundi-pengundi dan bakal pengundi yang boleh menentukan masa depan negara. Oleh itu ia hendaklah diseimbangkan dalam semua aspek pembangunan.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak menyentuh banyak perkara, hanya dua, tiga perkara sahaja.

Keduanya, yang terakhir, selain daripada kaum belia ialah baru-baru ini masalah keracunan telah berlaku. Tiap-tiap jenis makanan ada akibat kepada keracunan. Makan jagung pun kena racun, makan sayur pun kena racun. Di surat khabar baru-baru ini ada menyatakan makan pucuk ubi pun iaitu makanan nenek moyang saya pun, hari ini beracun. Bagaimana di zaman teknologi ini racun menjadi-jadi kepada makanan. Dalam kenyataan, yang baru saya ikuti, oleh Timbalan Menteri Pertanian, bahawa penanam-penanam sayur tidak mengikut arahan daripada Kementerian, daripada Pegawai-pegawai Pertanian yang menggunakan racun dan mengambil hasil mereka dan menjualkan akibatnya banyak rakyat yang tidak berdosa sakit, malah ada yang meninggal dunia. Saya berharaplah kepada Kementerian ini supaya benar-benar dapat mengawal penggunaan racun serangga ini. Kalau tidak, banyak lagi akibat kepada rakyat, lebih-lebih lagi di luar bandar yang memakan sayur dan sebagainya akan termakan racun dan menerima pada yang tidak baik.

Kedua, akhir-akhir ini kejadian baru yang dikenalpasti ialah kebakaran. Dalam Soal Jawab tadi ada soalan menyatakan alat-alat dan peralatan-peralatan kereta Bomba kita tidak begitu baik lagi keadaannya dan perlu diganti. Tetapi jawapan daripada Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, mengikut keperluan, jika perlu diganti kita ganti. Yang paling menakutkan hari ini ialah peruntukan-peruntukan dan cara mana Balai-balai Bomba dibuat. Adakah berdasarkan kepada kawasan atau berdasarkan kepada penduduk, kerana kadang-kadang satu kawasan itu penduduknya melebihi 50,000 orang tetapi sebuah Balai Bomba pun tidak ada. Hari ini mengikut Timbalan Menteri Pengangkutan ada 4 juta kereta berdattar di jalan-raya. Kalau satu kawasan kebakaran, kalau Balai Bombanya 5 batu daripada kawasan kebakaran, ia tidak akan sampai ke tempat itu dalam tempoh satu jam.

Baru-baru ini di tempat saya kebakaran berlaku, Balai Bomba yang ada ialah di Jalan Tun Ismail di Kuala Lumpur atau di Jinjang. Apabila sampai di tempat kebakaran ini rumah yang terbakar itu terus habis hangus, tidak dapat lagi dikawal. Apakah peruntukan ini mengikut kawasan atau mengikut penduduk yang ramai.

Di samping itu juga saya suka menyebutkan di Dewan yang mulia ini daripada alat-alat bomba yang kita dapat masuk Balai-balai Bomba yang tidak begitu banyak, kemudian pili-pili bomba yang tidak pernah dijaga dan dikawal. Saya dimaklumkan bahawa pili-pili bomba ini dijaga oleh Jabatan Bomba tetapi kadang-kadang pili bomba inipun tidak ada. Bila ada kebakaran Pegawai Bomba tercari-cari di mana pili bomba. Bila dapat pun tekanan airnya tidak ada. Jadi, ini juga satu hendak dikatakan malapetaka, tidak, tetapi mungkin keadaan-keadaan yang menakutkan apabila berlaku kebakaran-kebakaran yang akhir-akhir ini nampaknya begitu galak sekali berlaku kebakaran bukan sahaja di kampung-kampung, malah di bandar-bandar besar juga. Saya tak tahu apa puncanya tetapi ini berlaku dan keadaan ini saya sebutkan demi untuk kesejahteraan rakyat sesuai dengan peruntukan tambahan yang diluluskan pada hari ini untuk membiayai keperluan yang mendadak yang diperlukan yang mesti kita adakan dan hari ini diluluskan pembayarannya di luar jangka perbelanjaan kita yang ditentukan untuk tahun hadapan. Jadi, perbelanjaan-perbelanjaan demikian inilah yang perlu diadakan demi menjaga kebaikan dan kesejahteraan rakyat negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya bercakap tidak panjang, sekian sahaja, saya ucapkan terima kasih dan saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1988) ini.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat V.K. Sellappan.

4.42 ptg.

**Tuan V.K. Sellappan:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya iagin mengucapkan ribuan terima kasih kerana memberi saya peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan atas Akta Perbekalan Tambahan (1988).

Tuan Yang di-Pertua, sebanyak \$119,440,000 telah diperuntukkan kepada Kementerian Pendidikan. Saya mengambil kesempatan ini mengucapkan syabas dan tahniah kepada Kementerian Pendidikan, khususnya Menteri Pendidikan kerana berjaya membawa beberapa perubahan-perubahan dalam sistem pendidikan seperti sistem KBSR, KBSM, sistem gaji dua skim dan sebagainya untuk meningkatkan taraf pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua, hampir semua sekolah di negara ini mengadakan dua sesi iaitu sesi pagi dan sesi petang. Pentadbiran sekolah memang menghadapi kekurangan bilik darjah untuk menampung murid-murid dalam satu sesi sahaja. Murid-murid dari sesi pagi terpaksa membabit dalam aktiviti-aktiviti ko-kurikulum sehingga petang. Ini akan menimbulkan masalah kepada murid-murid di sesi petang, Ibu bapa mungkin gelisah dan bimbang terhadap anak mereka terpaksa menaiki kenderaan yang lain, bukannya bas sekolah yang selalu dinaiki. Bebanan ibu bapa bertambah berat di segi perbelanjaan pengangkutan dan wang saku harian. Bukan itu sahaja bahkan ibu bapa susah mengawal anak mereka dan tidak dapat menentukan adakah kerana ini benar-benar datang dari sekolah atau singgah dari

tempat lain. Dengan ingatan **ini**, sampailah masa untuk mengadakan kelas sebelah pagi atau satu sesi sahaja.

Saya amat menyedari bahawa perbelanjaan untuk mengadakan sesi pagi akan membebankan Kerajaan tetapi ia akan memanfaatkan generasi akan datang nanti.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, izinkan saya mengganggu perjalanan mesyuarat sebentar untuk membolehkan saya menjemput Yang Berhormat Abdul Hamid menggantikan saya bagi memperkerusikan mesyuarat selanjutnya. Yang Berhormat Tuan Abdul Hamid dipersilakan.

**[Tuan Abdul Hamid bin Ibrahim memperkerusikan Mesyuarat]**

**Tuan Abdul Hamid bin Ibrahim:** Silakan Yang Berhormat.

**Tuan V.R. Sellappan:** Tuan Yang di-Pertua, difahamkan bahawa nisbah peruntukan guru ke sekolah menengah iaitu 1:43 orang guru kepada satu kelas dan sekolah rendah ialah 1:5 orang guru kepada satu kelas Guru Besar, Guru Kanan I dan II, Guru Ko-Kurikulum, Guru Bahasa dan lain-lain guru termasuk dalam kiraan nisbah tersebut. Tugas dan Taggungjawab guru bertambah berat dengan mengadakan sistem KBSM dan KBSR. Mereka terpaksa membahagikan masa untuk menumpukan dalam persediaan alat-alat pembelajaran, maka mereka tidak dapat menumpukan sepenuhnya dalam hal pendidikan pelajar. Oleh **itu**, Kementerian haruslah mengambil kira untuk menambahkan nisbah guru di sekolah rendah dan menengah.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyedari bahawa pendidikan **pra**-sekolah adalah amat penting kepada kanak-kanak yang berumur 5 dan 6 tahun. Golongan yang berpendapatan tinggi menghantar anak ke kelas

TADIKA swasta yang mempunyai peralatan pengajaran yang serba moden dan lengkap. Guru-guru dari sekolah TADIKA swasta mempunyai kemahiran yang tinggi tentang pra-sekolah, manakala golongan yang berpendapatan rendah tidak dapat menghantar anak-anak mereka ke pra-sekolah kerana tidak mampu untuk membiayai perbelanjaannya. Apabila kedua-dua golongan anak masuk ke Darjah I, kanak-kanak yang berpendapatan rendah tidak dapat menyaingi kanak-kanak yang mempunyai pendidikan dan bimbingan pra-sekolah terlebih awal. Keadaan seperti ini akan menimbulkan perasaan rendah diri dan jurang perbezaan di kalangan kanak-kanak nampak dengan ketaranya. Cara penerimaan pendidikan tidak akan sama jika dibandingkan dengan kedua-dua golongan tersebut.

Untuk mengelakkan perkara ini, Kementerian Pendidikan haruslah merancang untuk mengelolakan kelas pendidikan pra-sekolah seperti sekolah rendah yang sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi pendidikan pula nyata bahawa mutu pendidikan di kalangan masyarakat India khususnya di sekolah-sekolah Tamil tidak begitu memuaskan, Ini adalah kerana kebanyakan daripada sekolah-sekolah tersebut mempunyai pelbagai kekurangan sama ada dari segi bilik darjah, kerusi, meja dan sebagainya. Peruntukan kewangan yang disalurkan kepada sekolah-sekolah kebanyakannya ditumpukan dalam membaiki serta memperluaskan bangunan-bangunan sekolah. Oleh itu, peruntukan kewangan untuk sekolah-sekolah Tamil walaupun mencukupi tetapi ternyata tidak dapat mengatasi pelbagai kekurangan yang dinyatakan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, satu pertiga bilangan guru-guru yang mengajar di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) adalah terdiri daripada guru sementara. Bilik darjah di Sekolah Tamil tidak mencukupi mengikut kadar murid yang bertambah besar dari tahun demi tahun. Keadaan bangunan sekolah adalah buruk. Memandangkan sistem KBSR, Sekolah-sekolah Tamil terpaksa mengadakan lebih bilik sumber, perpustakaan dan sebagainya tetapi tidak dapat diadakan oleh kerana tidak mencukupi bilik darjah. Kenapa keadaan seperti ini hanya berlaku kepada Sekolah Tamil sahaja? Saya merasa di masa-masa yang lalu Kementerian Pendidikan tidak mengambil perhatian berat terhadap kemajuan Sekolah Tamil dan tidak merancang semata-mata untuk kemajuan Sekolah-sekolah Tamil.

Saya ingin mengesyorkan kepada Kerajaan supaya menambah peruntukan kewangan kepada Sekolah-sekolah Tamil memandangkan bahawa masih lagi terdapat bangunan-bangunan sekolah yang berada dalam keadaan kurang memuaskan. Apa yang dikehendaki ialah perubahan struktur khususnya dalam sistem pendidikan dan juga mutu pengajaran. Oleh itu adalah diharapkan bahawa perkara ini akan diberi perhatian yang lebih serius dan saya berharap permintaan pihak sekolah-sekolah ini untuk mendapat peruntukan yang lebih akan dapat layanan yang sewajarnya.



Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian di sini bahawa kebanyakan sekolah Tamil dikategorikan sebagai sekolah bantuan modal. Dengan sistem ini kemudahan-kemudahan dinikmati oleh murid-murid dari sekolah bantuan penuh tidak dapat disalurkan kepada sekolah bantuan modal seperti bangunan yang serba moden, alat pengajaran dan sebagainya. Oleh yang demikian, murid-murid dari sekolah bantuan modal mendapat perhatian yang tidak memuaskan, walaupun negara kita telah mencapai kemerdekaan dari Kerajaan British selama 32 tahun tetapi rakyat Malaysia mempunyai cita-cita yang tinggi supaya semua kaum di negara ini akan menikmati dan merasai kemudahan-kemudahan Kerajaan tanpa mengira kaum.

Sehubungan dengan itu Kementerian Pendidikan haruslah mengambil langkah-langkah untuk menukarkan sekolah bantuan modal kepada bantuan penuh. Saya berharap Kementerian Pendidikan akan mengambil tindakan tentang perkara ini. Sekiranya pihak sekolah merayu untuk menukarkan sekolah bantuan modal kepada bantuan penuh haruslah Kerajaan mengambil tindakan untuk meluluskan permohonan-permohonan untuk menukarkan kepada sekolah bantuan penuh. Alasan-alasan seringkali didengar dari pihak Kementerian ialah tanah sekolah kepunyaan swasta. Maka pihak Kementerian tidak dapat menukarkan kepada sekolah bantuan penuh. Alasan atau jawapan seperti tersebut tidak lagi dialu-alukan oleh rakyat. Walau bagaimanapun, Kerajaan wajiblah mengambil langkah-langkah untuk mengatasi masalah ini.

Saya syorkan di sini Kementerian Pendidikan boleh melaksanakan melalui pendapatan lease bagi tuan tersebut. Dari segi bilangan penuntut-penuntut di institusi-institusi pengajaran tinggi maka dapat dikatakan bahawa bilangan penuntut-penuntut India yang diterima untuk memasuki institusi-institusi tersebut telah bertambah. Kini bilangan yang memohon untuk memasuki institusi-institusi semakin bertambah dan dijangka akan berlipat ganda dalam tempoh 10 tahun akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong peruntukan yang diuntukkan sebanyak \$57,756,500 ke Jabatan Perdana Menteri dalam Akta Perbekalan Tambahan 1989.

Tuan Yang di-Pertua, sejak kebelakangan ini kita telah mendengar banyak isu-isu yang berkaitan dengan soal-soal politik, ekonomi, agama, pendidikan, dan sebagainya. Walau bagaimanapun, isu ketara pada masa ini lebih ialah mengenai Dasar Ekonomi Baru. Sejak tahun 1970 Kerajaan telah menyedari bahawa isu ketidak seimbang ethnik di dalam bidang ekonomi khususnya penyertaan golongan bumiputera dan bukan bumiputera dalam sektor perniagaan. Sejak Dasar Ekonomi Baru dilancarkan pelbagai perubahan telah berlaku dalam struktur kehidupan masyarakat majmuk di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pembentangan kertas kerja pada hari ini, saya akan khususkan perbincangan kepada kesan Dasar Ekonomi Baru terhadap masyarakat keturunan India. Walau taraf kehidupan masyarakat India masih berada di paras yang agak rendah, namun tidak dapat dinafikan bahawa telah berlaku berbagai perubahan, khususnya dalam soal-soal menghapuskan kemiskinan dan menyusun semula

masyarakat India. Masyarakat India yang mendiami di ladang-ladang atau estet telah mencapai kemajuan yang agak memuaskan berikutan dari kenaikan harga komoditi. Kadar kemiskinan di kalangan penduduk kini telah berkurangan sehiangga ke paras 38%. Memang benar bahawa taraf kehidupan masyarakat India adalah agak memuaskan berbanding dengan masyarakat Melayu. Jika dibuat perbandingan dari segi jumlah pendapatan per kapita tetapi ternyata bahawa hanya dengan berpandukan kepada pendapatan perkapita, kita tidak menentukan dengan tepatnya taraf kehidupan sesebuah masyarakat, kekurangan infrastruktur serta peluang-peluang ekonomi juga harus diambil kira dalam menentukan taraf kemiskinan sesebuah masyarakat.

Di antara faktor-faktor yang harus diperhatikan dalam menentukan taraf kehidupan masyarakat India ialah kadar new-natal mortality jangka masa kehidupan, kadar kematian, kadar pelepasan sekolah, pencapaian ekonomi dan pengangguran. Kajian menunjukkan bahawa faktor-faktor ini menunjukkan peratusan yang tinggi dalam masyarakat India. Dari segi penyusunan semula masyarakat pula di antara faktor yang harus diperhatikan ialah peratusan pekerjaan di kalangan masyarakat India dan juga taraf pendidikan serta penguasaan pemilikan harta oleh masyarakat ini.

Secara amnya dapatlah dikatakan bahawa kadar pengangguran di kalangan masyarakat India telah dapat dikurangkan tetapi jika dibandingkan dengan kaum-kaum lain di negara ini maka didapati bahawa peratusan pengangguran di kalangan masyarakat India agak tinggi, saiz serta kualiti bidang pekerjaan yang wujud di kalangan masyarakat India juga masih tidak memuaskan walaupun sebagai contoh didapati bahawa wujud lebih kurang 2,000 orang keturunan India yang

memegang jawatan profesional seperti pegawai perubatan dan peguam tetapi jumlah ini hanya segelintir daripada jumlah keseluruhan iaitu seramai 1 juta di negara kita. Kebanyakan daripada pekerja-pekerja di kalangan masyarakat India berkhidmat sebagai buruh-buruh kasar di estet dan sebagainya. Oleh **itu**, amatlah sukar bagi kita untuk menilai daya pengeluaran para pekerja India yang kebanyakan bekerja di sektor yang kurang berproduktif.

Tuan Yang di-Pertua, satu faktor yang wujud dalam masyarakat India ialah partisipasi mereka dalam rancangan-rancangan Kerajaan seperti latihan-latihan perindustrian, MARA, institusi-institusi vokasional dan sebagainya didapati bahawa partisipasi mereka dalam rancangan-rancangan ini amatlah berkurangan. Ini adalah kerana mereka kurang berminat atas sebab-sebab kekurangan maklumat, pengetahuan dan tidak ada modal yang secukupnya. Pemilikan harta serta partisipasi masyarakat India Malaysia dalam rancangan-rancangan FELDA, FELCRA, RISDA dan sebagainya juga telah ditambah sejak kebelakangan ini tetapi jika dibandingkan dengan kaum-kaum lain maka jumlah sebenar amatlah kecil. Ini adalah kerana masyarakat ini tidak mempunyai keupayaan dari segi kewangan mahupun material untuk mendapatkan pinjaman daripada institusi-institusi kewangan tempatan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi faktor yang menyebabkan perkara ini ialah kerana soal pemilikan harta kurang ditekankan dalam Dasar Ekonomi Baru, saya dapati bahawa di dalam Dasar Ekonomi Baru tidak dinyatakan dengan jelas langkah-langkah yang perlu diambil dalam mempertingkatkan pemilikan harta di kalangan masyarakat India. Ini

adalah kerana pembahagian adalah mengikut bumiputera dan bukan bumiputera, Masyarakat India tidak mampu untuk maju dalam bidang ekonomi tanpa bantuan daripada Kerajaan sepertimana yang diberikan kepada kaum bumiputera. Suatu kelemahan yang wujud dalam masyarakat India ialah pengetahuan yang rendah dalam bidang perniagaan dan pengurusan. Ini menyebabkan perniagaan mereka tidak diperluaskan.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang menyedihkan lagi ialah partisipasi ekuiti masyarakat India dalam sektor korporat, khususnya dalam sektor seperti pertanian, pembinaan, perdagangan dan institusi-institusi kewangan serta insurans. Jika dibandingkan dengan kaum-kaum lain maka kita dapat lihat kemajuan yang dicapai oleh masyarakat India amat rendah, Saya percaya jika masyarakat ini mendapat bantuan daripada pihak Kerajaan seperti yang dinikmati oleh kaum bumiputera maka sudah tentu mereka akan mencapai kemajuan dan maju setapak lagi. Oleh itu, saya syorkan supaya Kerajaan menubuhkan sebuah tabung untuk bantuan usahawan-usahawan India supaya maju dalam bidang perniagaan. Kerajaan menerusi agensi-agensi harus membantu para penguasa ini, khususnya dari segi bantuan modal dan teknikal, skim-skim khas juga harus diwujudkan dan para usahawan ini patut diberi latihan-latihan dalam bidang keusahawanan.

Sebagai kesimpulan, ingin saya menyatakan di sini bahawa Dasar Ekonomi Baru haruslah dilaksanakan tanpa mengira kaum dengan mengambil kira kadar kemiskinan setiap kaum. Penggubalan dasar ekonomi selepas tahun 1990 haruslah menekankan perkara **ini**. . Maka di dalam hal ini saya yakin bahawa syor-syor yang akan dikemukakan oleh Majlis Perundingan Ekonomi Negara (MPEN) kepada Kerajaan akan mendapat perhatian yang sewajarnya. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Malaysia kerana telah mewujudkan sebuah badan iaitu MPEN yang akan menggubal sebuah dasar ekonomi selepas tahun 1990.

Tuan Yang di-Pertua, perpaduan adalah amat penting di sebuah negara seperti Malaysia kerana rakyat berbilang kaum berada di negara dan saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kerajaan kerana telah menubuhkan Jabatan Perpaduan Negara.. Adalah difahamkan Jabatan ini mempunyai pegawai-pegawai yang berpengalaman semenjak ianya ditubuhkan dalam tahun 1970. Pemimpin-pemimpin negara kita juga selalu menyarankan betapa pentingnya perpaduan. Untuk menjalankan aktiviti-aktiviti perpaduan, pengalaman yang ada di kalangan pegawai-pegawai adalah penting. Selain daripada pengalaman pegawai-pegawai juga perlu berhubung rapat dengan masyarakat tempatan.

Pengalaman yang saya sebutkan tadi sudah ada kepada Penolong Pegawai Perpaduan Kanan di peringkat Negeri dan Penolong Pegawai Perpaduan Daerah di peringkat Daerah di mana pengalaman mereka tidak boleh dipertikaikan lagi. Tetapi sayangnya ada pihak yang hanya mementingkan kelulusan yang tinggi disegi sijil tanpa mengira pengalaman yang luas seperti pegawai-pegawai yang sudah pun **ber-**khidmat lebih dari 10 tahun hingga 20 tahun. Mereka dikehendaki

oleh Ketua Jabatan mereka supaya menduduki peperiksaan SPM dan mendapatkan Kepujian di dalam matapelajaran Bahasa Malaysia.

Adalah difahamkan mereka ini audahpun berumur lebih dari 40 tahun dan sudah berkhidmat dengan Jabatan Perpaduan Negara lebih daripada 10 hingga 20 tahun. Jika mereka tidak dapat untuk mengambil peperiksaan SPM dan memperolehi Kepujian dalam Bahasa Malaysia, mereka ini akan ditamatkan kontrak bekerja dengan Jabatan Perpaduan Negara. Jika Penolong Pegawai Perpaduan Kanan dan Penolong Pegawai Perpaduan Daerah dibuang kerja, kemungkinan akan menjadi masalah kepada Barisan Nasional di dalam pilihanraya umum akan datang kerana mereka pun tulang belakang kejayaan Barisan Nasional di dalam pililihanraya umum yang telahpun lalui dan juga telah bertungkus-lumus semasa penubuhan Parti Barisan Nasional pada tahun 1974. Oleh yang demikian, saya syorkan mereka ini ditetapkan dalam jawatan masing-masing di Jabatan Perpaduan Negara kerana pengalaman yang ada pada mereka sudah mencukupi untuk menjalankan dan mengendalikan tugas-tugas begitu cemerlang.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong penuh Akta Perbekalan Tambahan (1988) 1989 supaya diluluskan.

**Tuan Abdul Hamid bin Ibrahim:** Yang Berhormat Puan Rokiah binti Zainuddin.

5.05 ptg.

**Puan Rokiah binti Zainuddin:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih di atas kesempatan yang diberi kepada saya untuk turut serta membahas suatu Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1988 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan menyentuh beberapa Kementerian sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, kempen menggunakan barang tempatan telah dilancarkan oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian tidak berapa lama dahulu. Sejauh manakah kejayaan kempen tersebut tidak dapat kita buat ukuran. Kesedaran orang ramai untuk membantu industri tempatan dengan membeli barang-barang tempatan masih boleh dipertikaikan. Walaupun industri pembuatan kita sekarang sudah meningkat mutunya, hamun begitu orang kita masih memburu jenama dari luar negeri seolah-olah barang-barang dari luar negeri boleh menambah maruah dan prestige mereka, dengan izin. Sikap ini amat dikesalkan. Jika sikap sedemikian masih ada pada orang ramai, Kementrian. Perdagangan dan Perindustrian hendaklah' melipatgandakan kempen guna barang tempatan untuk menanam semangat menghargai dan mencintai barang-barang tempatan supaya dapat membantu. industri tempatan kita. Tetapi sayang sekali pegawai-pegawai Kerajaan sendiri masih mempunyai sikap sedemikian.

Tuan Yang di Pertua, kita difahamkan ketua-ketua Komanwel akan bersidang di pulau Mahsuri, Pulau Langkawi, Kedah. Rakyat negara ini berasa sungguh bertuah kerana diberi penghormatan menerima kunjungan tetamu-tetamu kehormat itu. Segala persiapan telah dirancang diatur dan diadun dengan sebaiknya untuk memberi gambaran yang sihat kepada tetamu kita. Kita mempunyai tujuan serampang dua mata iaitu mengharap akan dapat membawa banyak lagi pelabur ke negara kita serta dapat menarik pula ramai pelancong ke negara kita sempena "Tahun Melawat Malaysia" 1990 nanti .



Tuan Yang di-Pertua, di Pulau Langkawi ada sebuah hotel yang dibina khas untuk menerima lawatan tetamu-tetamu besar ini. Hotel ini dibina mengikut ciri-ciri kebudayaan kita berbentuk rumah kampung yang sangat indah dibina di tepi pantai yang bersih. Nun di seberang laut kelihatan pulau-pulau yang indah dan menawan.

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada PERNAS kerana telah dapat membina sebuah hotel yang cantik mengikut ciri-ciri kebudayaan kita. Tetapi jika diteliti dengan baik ada juga benda-benda yang sepatutnya diguna bahan-bahan tempatan tetapi tidak digunakan. Saya amat sedih dan rasa tersinggung kerana di Pulau Langkawi itu sendiri ada sebuah kilang marmar atau Langkawi Marble dan marmar Langkawi ini adalah antara yang terbaik di dunia. Ramai para Menteri membeli marmar ini dan mereka mengakui mutunya yang baik. Tetapi hotel yang saya maksudkan ini, Pelangi Island Resort, Langkawi tidak menggunakan marmar daripada pulau itu walaupun bahan itu ada di pulau itu sendiri dan tidak payah diimport ke Pulau Langkawi dengan bayaran pengangkutan yang tinggi. Tetapi marmar ini tidak digunakan. Mengapa ia menjadi tanda tanya kepada saya dan penduduk tempatan? Bahan lain diimport dari negeri luar saya difahamkan sama ada negara Perancis atau Itali yang rupanya tidak seindah dengan marmar Pulau Langkawi dan harganya tiga atau empat kali lebih mahal dari marmar yang boleh diperolehi di pulau Mahsuri itu sendiri. Ini adalah satu contoh yang sangat dikesalkan. Ada di tepi mata tidak nampak, tetapi nun di seberang laut boleh nampak, aneh dan menghairankan.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita masuk ke dewan menyambut tetamu hotel itu, ada beberapa perkara yang kita raaa perlu ditegur, kalau tak ditegur sakit mata pula.

Pertama, lantai yang dibuat dengan bahan yang diimport tadi kelihatan seperti lantai yang kotor padahal kita ada barang tempatan yang cantik dan bermutu.

Kedua, di tengah dewan penyambut tetamu itu ada satu ruang dibina tinggi dari lantai untuk menempatkan tetamu yang baru datang. Apabila kita tengok ke atas ruang tamu tadi terdapat satu binaan bumbung yang menyerupai bentuk qubah, satu bentuk yang terdapat di masjid-masjid kita iaitu lambang kesucian agama Islam yang menjadi agama rasmi negara kita. Apa yang saya hendak paparkan di sini di bawah binaan qubah itu dijadikan tempat mini bar. Sayang sekali binaan yang indah dan mengagumkan itu dicemar dengan jualan minuman keras. Saya rasa bar tersebut tidak cocok berada di bawah bumbung qubah atau qubah tersebut tidak sesuai berada di situ. Saya berharap pihak yang berkuasa ataupun pihak PERNAS perlu mengambil perhatian perkara iai,

Perkara yang ketiga, di antara pelayan-pelayan hotel tersebut ada yang memakai pakaian yang melambangkan kebudayaan negara kita tetapi ada juga yang sakit mata memandang. Bila kita melihat mereka kita rasa seolah-olah kita berada di negara jiran Thailand atau di tempat yang asing dari negara kita.

Ada sejenis pakaian yang dipakai oleh setengah daripada pelayan-pelayan tersebut iaitu pakaian baju berbunga-bunga, lengan pendek, dilengkapi dengan seluar lepas lutut dan disesuaikan dengan stokin panjang macam orang hendak pergi memburu. Kenapakah tidak

menggunakan pakaian yang melambangkan pakaian Melayu? Kenapakah dipilih pakaian yang tidak sesuai sama sekali? Orang luar terutama tetamu Komanwel boleh melihat pakaian sedemikian di negara lain tetapi di Malaysia pakaian hendaklah melambangkan kebudayaan negara kita supaya tetamu-tetamu Komanwel kita akan terpicat dengan kesopanan, dan keindahan kebudayaan negara kita.

Berkenaan dengan pakaian tersebut ramai orang-orang tempatan berasa gelisah dan sentiasa sebut tidak sesuai dan perlu diubah sebelum tetamu-tetamu kita dari luar negeri itu datang dan melihat gambaran yang tidak sihat **itu**.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1986 hingga 1988, Kementerian Pertanian, sibuk dengan kempennya. Berbagai-bagai kempen telah dijalankan seperti kempen minum air kelapa muda, kempen minum susu segar, kempen eksport pisang emas, kempen kurang makan nasi dan kempen makan ulam—ulam. Saya menyokong usaha-usaha ini dan kita telah nampak hasilnya pada hari **ini**. Walau bagaimanapun, saya berpendapat kejayaan kempeti ini membuktikan bahawa masyarakat Malaysia nampaknya perlu diajak melakukan sesuatu pada setiap masa. Saya berkata sedemikian kerana tanpa berkempen sesuatu itu tidak berjalan.

Sehubungan dengan ini, saya suka menyarankan agar Kementerian Pertanian terus menjalankan kempen walau dalam apa projek sekalipun. Di **sini** saya mengesyorkan, supaya kerapen memulihkan tanah terbiar pula dijalankan. Walaupun usaha-usaha memulihkan tanah terbiar telah dijalankan oleh FELCRA, RISDA, LPP dan Jabatan Pertanian, tetapi yang menghairankan saya kawasan, tanah terbiar di seluruh negara masih berjumlah berpuluh ribu hektar. Sesuatu mesti dibuat bagi memulihkan perkara ini. Jika tanaman jangka panjang

boleh membosankan para petani untuk menunggu hasilnya, maka kita kembangkan pula tanaman jangka pendek supaya hasil cepat keluar dan petani cepat dapat duit.

Oleh kerana masyarakat Malaysia sekarang ini terlalu diorganisasikan sama ada melalui pertubuhan sosial mahupun pertubuhan politik dan pertubuhan ekonomi maka saya kira untuk memulihkan tanah-tanah terbiar juga memerlukan organisasi yang serupa. Untuk memudahkan Kementerian memahami perkara ini, saya sarankan supaya pemulihan tanah-tanah terbiar ini dikendalikan oleh Kerajaan sepenuhnya daripada peringkat awal sehinggalah peringkat akhir.

Dalam konteks ini semua agensi pertanian adalah terlibat seperti FAMA, JPT, LPP dan lain-lain dengan menjadikan tuan tanah sebagai pekerja yang bergaji. Kos pemulihan bolehlah ditolak daripada hasil pertaniart itu kelak. Sistem itu lebih kurang samalah dengan sistem FELDA hari ini. Saya ingin membawa contoh di negeri Kedah Darul Aman di mana FAMA selalu mengatakan tidak cukup bekalan untuk dipasarkan pada setiap waktu, malahan di seluruh negara pun pihak FAMA selalu mengatakan perkara yang sama.

Soalnya sekarang usaha tidak dijalankan secara sistematik, kalau ada pun bantuan yang dikeluarkan kepada petani hanya sekadar memberikan bantuan itu sahaja, selepas bantuan diberikan terpulanglah kepada petani untuk berusaha. Pegawai Pertanian tidak peduli lagi.

Bagaimanakah pihak FAMA boleh mengatakan tidak cukup bekalan ikan air tawar? Contohnya, di Negeri Sembilan ada 3,000 buah kolam ikan, kalau FAMA memberi perhatian yang serius, maka sudah pasti setiap hari sebanyak 8 buah kolam ikan boleh dijaring. Hasil

daripada 8 buah kolam sudah cukup untuk dipasarkan di pasar tani dan lain-lain pasar jika benar-benar diusahakan.

Berbalik kepada soal pokok iaitu tidak ada pihak yang mengambil berat perkara ini dan cuma melepaskan kepada petani-petani sahaja, sedangkan petani-petani pula tidak begitu mengambil kesah dengan hasil kolam kerana mereka kurang yakin untuk memasarkannya. Saya benar—benar berharap perkara ini dapat diselesaikan oleh Kementerian Pertanian supaya petani-petani dan nelayan-nelayan gembira dengan tugas pertanian mereka dan memberikan sepenuh perhatian ke atas tanah-tanah dan kolam-kolam ikan yang mereka miliki. Berusaha dengan titik peluh sendiri, mencari nafkah yang paling baik amat berharga dan tidak akan wujud pengangguran di negara kita ini kelak.

Mulai sekarang semua pihak sama ada pegawai Kerajaan, peniaga kecil, kaum belia dan pemimpin politik marilah kita sama-sama berasa bangga dan gembira untuk menjayakan pertanian di negara kita secara meluas dan bersistematik. Insya Allah kita juga akan sama-sama melihat hasilnya kelak.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Buruh adalah merupakan sebuah Kementerian yang kurang diberi perhatian dan masyarakat juga kurang mengetahui fungsi Kementerian ini. Kalau ada pun publisiti tentang Kementerian ini ialah mengenai percakaran kesatuan sekerja dengan pihak majikan dan Kerajaan. Kementerian ini dikaitkan dengan mogok kakitangan. Di bawah Kementerian ini terdapat bahagian-bahagian yang mempunyai fungsi-fungsi yang berlainan seperti Jabatan Buruh Semenanjung Malaysia, Jabatan Tenaga Rakyat, Mahkamah Perusahaan, Lembaga Kumpulanwang Buruh India Selatan, Lembaga Buruh Pelabuhan Pulau Pinang dan empat bahagian lain.

Apa yang saya ingin perkatakan di sini ialah tentang kemasukan

buruh-buruh asing ke negara kita. Jumlah mereka telah semakin meningkat. Memang benar terdapat keengganan pekerja Malaysia bekerja di ladang dan juga di sektor perkilangan dan pembinaan. Jumlah pengangguran juga semakin ketara. Jadi, yang mana yang harus dipakai? Kera di hutan disusui, anak sendiri kehausan. Apa yang jelas kepada saya ialah Kementerian Buruh hanya mendaftarkan pekerja-pekerja yang berminat untuk bekerja dengan Kerajaan semata-mata ataupun Kementerian Buruh hanya mendaftarkan mereka yang tidak bekerja kemudian membuat tawaran. Apa salahnya pihak Kementerian menjalankan usaha meorientasi ataupun mengadakan kursus-kursus pemahaman serta kempen-kempen kesedaran dan akhirnya memujuk mereka yang menganggur itu supaya menerima pekerjaan di ladang-ladang dan kilang-kilang yang gajinya lumayan. Bekerja sebagai perabuat bangunan pendapatannya lebih lumayan daripada bekerja sebagai kerani di pejabat yang berhawa dingin. Begitu juga kerja menjual air batu lebih jauh lumayan daripada kerja Pelayan Pejabat. Tidakkah boleh dijalankan usaha-usaha memikat supaya kedua-dua jenis kerja itu dimonopoli oleh penduduk negara sendiri, kalau minat penduduk Malaysia kepada jenis kerja dan bukannya kepada jumlah wang yang diperolehi, tidak bolehkah pihak Kementerian mengubah budaya ini? Tidak boleh diubahkah atau tidak ada usaha yang dijalankan?

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata tadi, saya mohon menyokong satu Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1988 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu. Sekian, terima kasih.

**Tuan Abdul Hamid bin Ibrahim:** Yang Berhormat Puan Valli Muthusamy,

5.20ptg

**Puan Valli Muthusamy:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut Huraian tujuan Rang Undang-undang ini ialah. untuk memberikan kuasa berkanun supaya beberapa pembayaran tambahan tertentu dibuat untuk perkhidmatan-perkhidmatan awam Persekutuan dalam tahun 1988 melebihi perbelanjaan yang dibenarkan oleh Akta Perbekalan 1988,

Saya menyokong **Bill ini**. Walau bagaimanapun, saya ingin memberi sepatah dua kata ataa Kementerian Pendidikan.

Akta Perbekalan 1988 telah meluluskan sebanyak \$4,037 ribu juta. Kementerian sedang menuntut kelulusan untuk tambahan sebanyak \$119, 440,000 yang mana merupakan hanya lebih 2% daripada anggaran asal. Memandangkan pendidikan adalah satu sektor yang penting di mana termasuk kedua-dua perbelanjaan Pembangunan dan Perlaksanaan, Penambahan ini adalah lazim dan harus disokong.

Akta Perbekalan 1989 telah meluluskan \$4.334 ribu juta dan merupakan sebanyak \$250 juta lebih daripada perbelanjaan untuk tahun 1988. Sejak kemerdekaan Kerajaan telah membina sekolah-sekolah baru, maktab-maktab dan universiti. Tetapi dengan meningkatnya bilangan penduduk permintaan untuk bilik-bilik darjah tambahan, sekolah-sekolah dan universiti-universiti dengan peralatan moden

juga meningkat. Saya meminta agar Kerajaan melaksanakan satu penyelidikan menyeluruh ke atas keperluan pendidikan untuk 50 tahun akan datang dan mengambil langkah-langkah sewajarnya untuk meliputi permintaan yang meningkat itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga meminta Kerajaan membina lebih sekolah-sekolah baru di bandar dan di luar bandar dan mengambil tindakan untuk mengubah semua sekolah ke satu sesi. Kebanyakan sekolah sekarang mempunyai dua sesi, iaitu sesi pagi dan sesi petang. Murid-murid pada sesi pagi terpaksa tinggalkan rumah awal pagi. Bila sepatutnya mereka harus tidur. Murid-murid pada sesi petang pula pulang ke rumah lewat. Kadangkala sehingga masuk waktu malam. Keadaan ini tidak baik untuk kesihatan murid-murid tersebut. Ini juga tidak memberi peluang kepada mereka untuk menjalankan kegiatan luar sekolah.

Kebanyakan Sekolah-sekolah Tamil adalah terlalu kecil. Kekurangan peralatan dan dalam keadaan yang buruk. Kebanyakan sekolah-sekolah Tamil memerlukan bangunan-bangunan baru dan ada pula bangunan yang sedia ada perlu dibaiki kerana keadaannya sudah uzur.

Pada pendapat saya, sejumlah yang tertentu telah diperuntukkan oleh Kerajaan untuk memperbaiki Sekolah-sekolah Tamil. Jumlah ini adalah agak kecil memandangkan bagaimana besarnya masalah-masalah yang dihadapi oleh sekolah-sekolah Tamil tersebut. Memandangkan peruntukan ini sentiasanya kurang memuaskan, saya merayu kepada Kerajaan untuk menambahkan jumlah peruntukan tersebut kerana keadaan bangunan-bangunan sekolah Tamil termasuk sekolah-sekolah Kerajaan



dan sekolah-sekolah bantuan modal adalah sangat buruk.

Kerajaan juga harus mewajibkan pendidikan pra-sekolah dan berhubung dengan itu Taman Didikan Kanak-kanak yang diuruskan di seluruh negara baik di kawasan bandar mahu pun di luar bandar diletak di bawah penyeliaan Kementerian Pendidikan,

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini saya membaca satu kenyataan Yang Berhormat Menteri Pendidikan di akhbar bahawa Kerajaan sedang menimbangkan untuk memansuhkan kelas peralihan. Saya menyambut baik langkah ini dan mendesak Kerajaan untuk melaksanakannya dengan segera. Walau bagaimanapun, masih terdapat satu soalan mengenai pengajaran Bahasa Malaysia dan bidang pengajaran sekolah-sekolah. Yang Berhormat Menteri Pendidikan pernah menjawab kepada soalan saya, KPNT 4 soalan No. 18 dalam tahun 1987 bahawa masa diketepikan untuk pengajaran Bahasa Malaysia di Sekolah-sekolah Tamil adalah seperti berikut:

Tahun Satu - 270 minit seminggu;

Tahun Dua - 270 minit seminggu;

Tahun Tiga - 210 minit seminggu;

Tahun Empat - 150 minit seminggu;

Tahun Lima - 150 minit seminggu;

Tahun Enam - 150 minit seminggu.

Seperti yang dapat dilihat apabila meningkat darjah masa untuk pengajaran Bahasa Malaysia di sekolah-sekolah Tamil berkurangan. Oleh yang demikian, pelajar-pelajar dari sekolah-sekolah Tamil tidak mendapat peluang dan masa yang sama untuk mempelajari Bahasa

Malayaia. Jadi, mutu pengetahuan Bahasa Malayaia di aekolah-sekolah Tamil berkurangan. Memandangkan kemunduran ini bolehkah Yang Berhormat Menteri mengambil tindakan meningkatkan pengajaran Bahasa Malaysia di sekolah-aekolah Tamil dengan memanjangkan masa yang ditetapkan dan menambahkan masa pengajaran. Bila pelajar-pelajar tersebut meningkat ke darjah yang lebih tinggi saya juga mencadangkan bahawa Kementerian harus menimbang untuk mengajar matematik, sains, ilmu alam dan aejarah dalam Bahasa Malayaia di sekolah-sekolah Tamil. Langkah-langkah pemulihan ini tentu akan memajukan pengajaran Bahasa Malaysia di sekolah-sekolah Tamil dan tidak perlu diadakan kelas peralihan di mana pelajar-pelajar akan membazir satu tahun.

Sekarang saya ingin menyentuh kepada pengajaran bahasa ibunda pelajar, dengan izin, Pupil,'s Own Language (POL). Pengajaran bahasa Tamil di sekolah-sekolah kebangsaan adalah sangat tidak memuaskan di kebanyakan sekolah. Kelas-kelas ini diadakan pada hari Sabtu dan ini mengurangkan minat pelajar-pelajar untuk datang pada hari keenam setiap minggu, bila rakan-rakan mereka yang lain berada di rumah. Guru-guru juga tidak dibayar elaun yang mencukupi untuk memberi perangsang untuk mengajar dalam kelas bahasa ibunda pelajar (POL) di kebanyakan sekolah-sekolah. Kelas-kelas bahasa. ibunda pelajar tidak diadakan langsung kerana syarat memerlukan 15-pelajar untuk mengadakan kelas tersebut. Saya berpendapat bahawa keperluan ini harus dimasukkan,

Sejak Akta - Pendidikan 1961 memberi peluang untuk mengajar bahasa ibunda pelajar (POL), bolehkah Kerajaan meminda undang-undang

untuk memansuhkan syarat ini. Saya juga mendesak agar Kerajaan mengajar bahasa ibunda pelajar (POL) dalam waktu sekolah yang biasa dari sekolah rendah ke Tingkatan V.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum mengakhiri ucapan saya berhubung dengan Rang Undang-undang Akta Perbekalan 1988 B.1 Parlimen; saya bersetuju bahawa banyak perubahan dan pengindahan telah pun dijalankan. Sebenarnya usaha menlantikkan kawasan Parlimen ini sungguh mengembirakan. Tetapi, saya berharap untuk klinik di bangunan Parlimen juga akan diberi perhatian. Saya merasa ia adalah terlalu kecil dan juga kekurangan kemudahan.

Bukanlah niat saya bahawa ramai lagi Ahli Parlimen mengunjungi klinik tetapi bagi mereka yang terpaksa pergi ke sana, keadaan hendaklah lebih menyenangkan dan selesa.

Dengan ini, saya menyokong Akta Perbekalan Tambahan 1988 dengan sepenuhnya. Sekian, terima kasih.

**Tuan Abdul Hamid bin Ibrahim:** Yang Berhormat Tuan Hassan bin Nam.

5.31 ptg.

**Tuan Hassan bin Nam:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih di atas peluang yang diberi kepada saya untuk bersama membahaskan suatu Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulanwang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1988 dan bagi memperuntukkan wang- itu untuk maksud-maksud yang tertentu yang mana-telah dibentangkan oleh Timbalan Menteri Kewangan di Dewan yang mulia baru-baru tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan menyentuh beberapa Kementerian sahaja. Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Kerajaan yang telah menubuhkan Majlis Perundingan Ekonomi Negara yang terdiri dari berbagai-bagai pertubuhan bagi membincangkan masa hadapan Dasar Ekonomi Baru, dengan Kerajaan bersetuju untuk mengambil seramai 150 orang ahli untuk menganggotai Majlis Perundingan Negara yang terdiri daripada berbilang kaum yang diwakili oleh tokoh-tokoh akademik, politik, sosial, ahli perniagaan dan badan-badan sosial bagi menghadapi pihak pembangkang yang mengatakan Kerajaan tidak mengambil berat dan tidak sensitif terhadap masalah rakyat dan negara.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua tahu apa tujuan sebenarnya Dasar Ekonomi Baru, iaitu untuk membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum dan menyusun semula masyarakat supaya pengenalan kaum mengikut fungsi ekonomi dapat dikurangkan dan akhirnya dapat dihapuskan.

Tuan Yang di-Pertua, membasmi kemiskinan adalah bertujuan untuk menseimbangkan kedudukan sosial ekonomi yang tidak seimbang di antara berbagai kaum dan daerah serta pembahagian hasil pendapatan dengan sama rata atau saksama dan memberi peluang pekerjaan kepada semua kaum di Malaysia ini. Dengan ringkasnya ia boleh dikatakan dapat mengurangkan perbezaan pendapatan antara kaum bumiputera dan bukan bumiputera.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang diharapkan kepada pihak Kerajaan kita supaya Dasar Ekonomi Baru akan dapat diteruskan selepas tamat tempohnya Rancangan Malaysia Kelima pada tahun 1990 nanti kerana memandangkan angka yang diperuntukkan oleh Kerajaan pada bumiputera 30% itu mungkin tidak tercapai pada tahun 1990. Bila saya katakan bumiputera, ini termasuklah di Sabah, Sarawak dan juga di Semenanjung Malaysia ini. Kita harap di bawah Rancangan Malaysia Keenam nanti, Kerajaan akan memberi peruntukan yang lebih di kawasan luar bandar dan tidak seperti sekarang yang mana nampaknya Kerajaan memberi peruntukan yang lebih di dalam kawasan bandar iaitu semua kemudahan infrastrukturnya adalah lebih baik dari kawasan luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, bila saya sebutkan kawasan luar bandar di Semenanjung Malaysia, ini termasuklah kaum masyarakat Orang Asli yang kebanyakannya tinggal di luar bandar yang masih banyak memerlukan kemudahan asas seperti bekalan elektrik, bekalan air bersih, perhubungan jalan raya dari kampung ke pekan-pekan serta jalan-jalan kampung. Di atas perkara tersebut, saya harap

Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar akan mengambil perhatian di atas kemudahan' asas yang disebutkan di atas. Ini termasuklah agensi pelaksanaannya seperti Jabatan Kerjaraya (JKR) untuk membina jalan dan bekalaa air dan Lembaga Letrik Negara (LLN) untuk bekalan elektrik sebab didapati sungguhpun mereka ini telah lama mohon tetapi belum dilaksanakan projek lagi. Contohnya permohonan untuk bekalan elektrik di Kampung Orang Asli, Batu Lima, Maran sudah lama dibuat tetapi belum dilaksanakan sehingga sekarang. Saya harap Kementerian berkenaan akan mengambil perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, dalam membahaskan perbelanjaan tambahan, saya ingin juga sekali lagi menyentuh berkenaan proses mempercepatkan kerja-kerja menggezet atau mewartakan "tanah-tanah kawasan rezab yang dipohon oleh Jabatan untuk masyarakat" Orang Asli di Semenanjung Malaysia. Di sini saya meminta kerjasama dan jasa baik Kementerian Tanah dan Kemajuan Wilayah, Kementerian Dalam Negeri serta pihak berkuasa Kerajaan Negeri iaitu Pahang, Perak, Kelantan, Negeri Sembilan, Selangor, Johor dan Melaka agar proses mewartakan kawasan tanah simpanan Orang Asli ini dapat dibuat secara tidak memakan masa yang berlarutan demi kesejahteraan bersama khasnya kepada masyarakat Orang Asli yang amat merasainya.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi adalah didapati bahawa banyak lagi sumber-sumber semulajadi baik tumbuh-tumbuhan ataupun logam-logam didapati di kawasan-kawasan yang didiami oleh masyarakat Orang Asli. Hingga ke hari ini, bilangan orang Asli yang mendapat nikmat ataupun keuntungan dengan secara langsung daripada usaha-usaha mengeluarkan sumber-sumber: ini seperti menerusi pembalakan, perlombongan dan sebagainya masih lagi berkurangan. Oleh kerana itu, bagi pihak masyarakat Orang Asli, khususnya mereka yang belum

lagi mendapat apa-apa nikmat dan keuntungan dengan secara langsung daripada usaha-usaha **ini**, saya memohon kerjasama dan simpati Kerajaan terutama sekali daripada Kerajaan-kerajaan Negeri di mana masih lagi ada sumber-sumber semulajadi di kawasan-kawasan Orang Asli ini supaya dapatlah Orang-orang Asli yang berkenaan menikmati keuntungan dengan secara langsung daripada usaha ini .

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Dalam Negeri. Saya berharap kepada Kerajaan akan dapat menyemak semula serta meningkatkan taraf dan imbuhan elaun tahunan Ketua-ketua Kampung Orang Asli di seluruh Semenanjung supaya Kerajaan dapat menyamakan tarafnya dengan elaun Ketua-ketua Kampung Melayu sekarang, Sekarang, Ketua-ketua Kampung Orang Asli, mereka hanya menerima elaun di antara \$200 dan \$250 setahun, bukan sebulan, tetapi setahun, manakala elaun tahunan Ketua-ketua Kampung orang Melayu, mereka dapat antara \$1,200 hingga \$1,800 setahun dan dikira mengikut gred A, B dan C.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menarik perhatian Kementerian Dalam Negeri iaitu untuk mempertingkatkan sistem pentadbiran kampung-kampung Orang Asli di bawah penguasaan Ketua-ketua Kampung atau biasa dipanggil Batin atau Tok Penghulu. Tugas Batin atau Penghulu dewasa ini melibatkan pengawasan keamanan kampung, adat resam masyarakat termasuklah nikah kahwin dan cerai. Dengan ini saya mencadangkan supaya pihak Kerajaan dapat mengadakan latihan atau kursus daripada Ketua-ketua Kampung tersebut. Ini bertujuan untuk mengintegrasikan sistem atau cara-cara pentadbiran tradisional selaras dengan undang-undang negara sekarang. Mereka juga perlu dilatih supaya dapat mengendalikan kampung-kampung melalui Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung atau **JKK**. Kalau belum ditubuhkan **JKKK** ini perlu ditubuhkan sepertimana yang

terdapat di kampung-kampung orang Melayu.

Pihak Kementerian perlu memohon pengiktirafan daripada Kerajaan Negeri tentang penubuhan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung atau JKKK demi ke arah masyarakat Orang Asli berdikari di masa hadapan mereka. Maksud saya berdikari ini ialah seperti mereka boleh menguruskan sendiri permohonan kemudahan asas dan segala, pembangunan di kampung-kampung mereka terus dengan pejabat-pejabat daerah yang berhampiran dengan perkampungan-mereka. Selaras dengan peningkatan tanggungjawab . Ketua-ketua Kampung ini imbuhan elaun tahunan mereka juga perlu dinaikkan sebagaimana yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi di bawah Kementerian Dalam Negeri, saya mencadangkan supaya mengadakan Jawatankuasa atau sebagainya bertujuan untuk menyemak dan menilai kembali serta membuat pindaan-pindaan yang mana difikirkan perlu ke atas peruntukan-peruntukan yang terkandung dalam Akta Orang Asli 1954, (Pindaan) 1974 yang sedia ada sekarang ini.



Saya amat berharap melalui pindaan-pindaan ini nanti akan melahirkan polisi-polisi pentadbiran setaraf dengan falsafah Orang Asli yang lebih menekankan pengagihan peluang-peluang pembangunan, sempurna dan saksama seperti tanah yang sekarang ini diwartakan secara berkumpul dan ditukarkan kepada hak milik secara individu pula, dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang tersebut.

**Tuan Abdul Hamid bin Ibrahim:** Yang Berhormat Puan. Aion binti Ariffin.

5.41 ptg.

**Puan Aion binti Ariffin:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi saya peluang bersama-sama bercakap bagi membahaskan suatu Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1988 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu di mana Akta ini dinamakan Akta Perbekalan Tambahan (1988) 1989.

Tuan Yang di-Pertua, walau pun ini merupakan sebagai suatu kebiasaan nampaknya kerana setiap tahun kita akan membincangkan dan meluluskan Akta Perbekalan Tambahan ataupun Akta Tambahan daripada Wang Disatukan setiap tahun. Ini bermakna budget-budget yang diputuskan biasanya tidak pernahlah berkecukupan. Namun begitu kita mengalu-alukannya kerana ini merupakan suatu petanda baik bagi kemajuan dan bagi kepentingan rakyat dan negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh beberapa perkara daripada Jadual-jadual yang diperuntukkan wang tambahan berkenaan. Yang pertamanya ialah B.1Parlimen, 5759,700.

Tuan Yang di-Pertua, kita percaya tambahan itu terpaksa dibuat kerana perbelanjaan yang diperuntukkan kepada Parlimen,dan semua perkara yang berkaitan dengan Parlimen dan kita sudah. nampak aekarang Parlimen bertukar wajah menjadi Parlimen yang benar-benar gagah, kagum dan mempunyai peralatan yang moden, terbaru dan kemudian' menarik perhatian-serta kelihatan. lebih cantik, lebih gagah dan. lebih mantap daripada dahulunya. Namun demikian, carpet di tangga untuk turun naik masih kelabu. Kalau di atasnya cantik tetapi tangga hendak naik itu carpetnya boleh kita sama-sama perhatikan. sudah -usang dan, ini kurang menarik. perhatian. Cantik, di dalam tetapi tangga hendak naik itu kelihatan tidak begitu sesuai dengan keindahan dan pertambahan yang dibuat untuk memperbaiki dan memperelokkan Parlimen ini. Dari tanggalah biasanya ada cermin perbandingan atau ukuran-ukuran. Ada banyak orang berkata kalau tangga rumah seseorang itu kotor maka adalah yang kotor dalam rumah itu.

Tuan Yang di-Pertua, jadi ada baiknya juga menjelang "Visit Malaysia 1990", dengan izin, nanti mungkin ramai pelawat-pelawat negarawan luar hendak datang ke Parlimen, carpet di tangga, itu ditukarkan. Sekarang warna merah, kalau hendak warna merah juga cantik bolehlah...Saya gemar warna merah, tetapi kalau warna kuning DiRaja seperti tangga di sebelah 'kiri saya,di.dalam Dewan ini, aaya rasa sesuai juga.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh B.7 Jabatan Perdana Menteri, ada dua perkara dari Jabatan ini yang saya ingin kaitkan dengan peruntukan ini walau pun ianya tidak direct kepada peruntukan yang diminta. B.7 Jabatan Perdana Menteri. Pertama, saya ingin bertanya dan ada juga kaitaa dengan Jabatan Perdana Menteri selaku tunggak kepada Kementerian-kementerian iaitu perkara yang berkenaan dengan Jabatan Bomba, Timbalan Menterinya ada di dalam Dewan ini, setia selalu. Pertanyaan yang ingin saya kemukakan ialah mengenai statement yang dikeluarkan baru-baru ini oleh Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan iaitu di New Strait Times bertarikh 10hb Oktober 1986. Maafkan saya, tidak barulah lebih kurang dua tahun yang lalu, iaitu berbunyi, dengan izin, "Government may privatise certain fire services". Jadi di sini Timbalan Menteri yang membuat statement ini ialah Dato' Subramaniam, yang mengatakan bahawa ada sebahagian daripada Perkhidmatan Bomba kemungkinan sedang dibuat kajian untuk diswastakan.

Saya ingin membuat pertaayaan kepada Timbalan Menteri yang ada iaitu adakah rancangan hendak menswastakan sebahagian daripada perkhidmatan dalam Jabatan Bomba ini hendak diteruskan. Kalau benarlah hendak diswastakan, bilakah masanya? Selain daripada itu apakah sudah dibuat kajian buruk-baik kepada penswastaaan berkenaan kerana Jabatan ini merupakan satu Jabatan yaag berkaitan dengan keselamatan orangramai.

Mengenai Akta yang pernah kita luluskan di dalam Dewan ini iaitu Akta 341, saya kurang arif dalam Akta itu, kalau tidak silap ada perkara ini dikaitkan iaitu kuasa Menteri untuk menswastakan

sebahagian daripada perkhidmatan-perkhimatan dalam Bomba atau dalam Kementerian berkenaan. Menteri sahaja boleh merabuat kajian dan boleh mencadangkan rancangan untuk penswastaaan itu. Baiknya banyak kalau diswastakan, ini kerana Jabatan ini walaupun merupakan satu Jabatan yang mengawas atau menjaga keselamatan orang ramai terutama berkaitan dengan kemalangan api dan lain-lain tetapi ianya juga merupakan suatu exercise kepada orang ramai dan, mereka-mereka yang berminat. Jadi, kalau diswastakan mungkin ada pihak-pihak yang berminat yang sudah banyak pengalaman dalam hal ini, dalam Scout, Girl Guides atau dalam pertubuhan-pertubuhan beruniform yang ada kaitan dengan masalah keselamatan buat kompeni dan boleh mengambil tender ataupun menawarkan khidmat dalam penswastaaan berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu .saya. juga ingin menyentuh mengenai B.8 Jabatan Perkhidmatan Awam. Nampaknya peruntukan yang diperuntukkan kepada Jabatan. ini boleh tahan. Saya ingin bertanya mengenai pengambilan atau pengisian jawatan-jawatan yang kosong yang saya difahamkan banyak interview-interview atau panggilan dibuat kepada berjenis-jenis jawatan yang diperlukan oleh Kerajaan. Tetapi pengambilannya sangat slow atau perlahan-lahan nampaknya. Apakah ini ada kaitanya dengan kewangan atau kerana Jabatan-jabatan atau Kementerian-kementerian masih tidak lagi memerlukan jawatan-jawatan atau pemegang-pemegang jawatan. Apa yang difahamkan bila Kementerian Kesihatan umpamanya, bila kita kemukakan beberapa komen jawapan antara lain ialah kurang kakitangan. Kementerian Pendidikan juga menyebutkan kurang guru tetapi 19,000 guru-guru sandaran telah diberhentikan. Jadi mungkin Jabatan

Perkhidmatan Awam mengambil peranan yang penting dalam pengisian kerja-kerja kosong dan kelambatan ini kenapa, sedangkan pengang-guran sedang dalam kemuncak atau climax yang mendebarkan,

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan kepada B.26, Kementerian Pendi-dikan. Kementerian Pendidikan telah banyak disentuh oleh sahabat-sahabat dan dalam ucapan membahaskan Titah Ucapan DiRaja pun banyak perkara Kementerian ini telah disentuh. Saya hanya ingiti membuat satu lagi penegasan. Mintalah Kementerian yang berkenaan di bawah pitnpinan Menterinya, Timbalan Menteriaya dan juga segala pegawai-pegawai tingginya, Ketua Pengarahnya dan Pengarah-pengarahnya ter-masuk Pengarah Sekolah-sekolah jangan lagi mahu bertolak-ansur atau jangan pula hendak menimbang-nibangkan lagi mengenai saranan hendak menubuhkan Jawatankuasa Perunding mengenai Dasar Pendidikan Negara.

Saya rasa saranan itu tidak dapat dipertimbangkan mengenangkan pendidikan merupakan-sebagai satu akar tunjang kepada perpaduan yang membawa kepada kestabilan negara kita. Semua aspek, tiada perpaduan tiada kestabilan. Perpaduan aspek terpentingnya ialah penyatuan peraikiran, penyatuan pertuturan, persefahaman dari segi segala-gala perkara yang berkaitan dengan kehidupan harian. Biarlah anak-anak kita yang jenerasi baru kita ini tidak kita kastam-kastamkan. Biar mereka lebih dahulu menghayati perkataan "perpaduan" dengan erti kata yang sebenarnya melalui bahasa, melalui bangsa, melalui kebudayaan dan melalui segala perkara yang berkaitan dengan ketatanegaraan.

Orang-orang tuanya sudah biul, masing-masing membawa juga cerita masing-masing walaupun setiap yang bangun itu, saya bangun, saya kata sayalah betul, saya bawa. perpaduan bentuk. ala saya, nada saya. Bangun kawan saya daripada orang Cina, dia kata perpaduan juga, hendakkan perpaduan ala ke Cinaan pula. Begitu juga kalau kawan kita dari orang India membawa unsur perpaduan juga, tetapi mengutarakan hal-hal ke Indiaan. Jadi rasanya kita yang sudah tua-tua ini sudah susah hendak menghayati perkataan "perpaduan" yang dimaktubkan dalam Perlembagaan. Namun begitu perkara itu .ada baiknya, sebab pembelaan perlu diberi kepada semua warganegara dan semua rakyat Malaysia yang taatsetianya kepada negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh sedikit mengenai Kementerian Pengangkutan. Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kementerian ini terutamanya Timbalan Menterinya seorang wanita yang cukup aktif yang tidak pernah kenal lelah membuat kerja, tanggungjawab dan menjalankan segala usaha bagi melicinkan

Kementerian ini dalam semua tanggungjawabnya.

Saya ingin menyentuh mengenai persediaan Kementerian ini dalam menyelaraskan hal-hal pengangkutan menjelang "Visit Malaysia 1990", kerana pengangkutan merupakan satu lagi saluran ataupun satu lagi perhubungan yang sangat penting bagi menaikkan imej negara. Kalau dalam masalah pengangkutan nanti banyak titik-bengeknya, banyak kalam-kabutnya, maka ini juga boleh menjejaskan matlamat kita yang inginkan negara kita menjadi negara yang paling disukai untuk didatangi atau tempat melancong yang paling digemari, diingati, diminati oleh semua rakyat di luar dari Malaysia terutamanya negara-negara yang berdekatan iaitu negara Asia atau di Rantau Pasifik, juga negara-negara Eropah.

Selain daripada itu, saya ingin juga meminta penjelasan mengenai ura-ura untuk menubuhkan sebuah persatuan yang dinamakan Persatuan Pengguna-pengguna Jalanraya. Persatuan ini hebat, kalau ditubuhkan, saya rasa ahli-ahlinya berjuta-juta, sebab pengguna jalanraya terdiri dari kanak-kanak yang berumur 6 tahun (4 tahun pun sudah boleh berjalan) hingga sampai kepada 80 tahun boleh menjadi pengguna-pengguna jalanraya. Tetapi kalau persatuan biasanya dihadkan daripada umur 16 tahun hingga sampai ke atas atau 100 tahun. Persatuan ini sangat dialu-alukan, cuma perlu diawasi jangan nanti Persatuan Pengguna Jalanraya juga turut berpolitik. Apa sahaja yang disarankan oleh Kementerian, ada bangkangan, ada saranan, berpiket pula nanti sebagaimana yang pernah berlaku di persatuan-persatuan lain yang diresapi oleh elemen-elemen politik.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin penjelasan, apakah ura-ura ini akan dijalankan, sudah dijalankan dan adakah Kementerian memberi

naungan, bimbingan yang sepenuhnya ataupun bagaimana perkembangannya.

Menyentuh mengenai Sekolah-sekolah Memandu, saya kurang arif mengenai aturan peraturan permit atau lesen yang diberi kepada Sekolah-sekolah Memandu, kerana didapati ada Sekolah-sekolah Memandu di Malaysia ini yang tidak selaras. Umpamanya dari segi bayaran, ada bayarannya murah, ada bayarannya mahal dan ada pula membayarnya beransur-ansur. dan sebagainya. Saya hanya ingin tahu apakah dari segi bayaran kepada penuntut-penuntut atau kepada yang ingin belajar memandu ini ada penyelarasannya dari segi pembayaran pembelanjannya atau bagaimanakah keadaan ini dikawal oleh Kementerian.

Yang terakhir saya ingin menyentuh Maksud B.51 - Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos iaitu satu Kementerian yang sangat popular dan, menjadi sebutan setiap hari oleh hampir setiap orang terutama mereka yang ada telefon di rumahnya. Saya hanya ingin menyarankan lagi, sudah banyak kali saya sarankan, walaupun ada yang telah diswastakan supaya service atau perkhidmatan pembayaran telefon ini tidak lagi ada rungutan tunggakan. Sudah bayar, tunggakan masih ada lagi. Saya setiap kali bil saya bayar, mesti ada tunggakan. Bayar awal ada tunggakan, bayar lambat apatah lagi dan yang paling menghairankan, pernah banyak kali kalau saya dail ke rumah, saya dengar rakaman berbunyi begini, "nombor yang berkenaan telah ditamatkan perkhidmatannya buat sementara". Terkejut saya, Tuan Yang di—Pertua, duit sudah dibayar. Kalau seorang kawan lain, katalah orang itu ingin menelefon saya, kerana hendak meminta pertolongan atau sahabat-sahabat saya yang saya segani, bila dia telefon ke rumah saya, sekali sekala rakaman ini keluar, maka malulah saya, kerana



hutang tidak dibayar. Saya hairan mengapa perkara ini berlaku, dan yang peliknya bukan rumah saya sahaja, pejabat Kerajaan pun ada. Ibu Pejabat PEMADAM Kebangsaan mempunyai banyak talian telefon. Dua tiga telefon ini bila diangkat sekali sekala rakaman ini keluar, pada hal bayarannya telah dipastikan dibayar, kerana PEMADAM ada sponsor yang membayar bil telefon ini.

Begitu juga terkena sekali apabila saya mendail ke rumah seorang Timbalan Menteri saya tidak hendak sebutkan siapa dia, ramakan ini pun keluar, saya pun terkejut, "Alamak! Timbalan Menteri pun tidak bayar bil telefonnya?" Demikianlah keadaannya rakaman yang terlalu rajin dan terlalu longgar, mungkin alat—alatnya "not under control", dengan izin. Eloklah diperbetulkan. Janganlah-memalukan orang—orang yang berkemampuan membayar bil telefon telah membayar, tetapi dikatakan belum bayar juga.

Tuan Yang di-Pertua, setakat itu sahaja sentuhan yang saya ingin kemukakan dan dengan itu saya sekali lagi menyokong kepada Akta ini iaitu Akta Perbekalan Tambahan (1988) 1989.

**Tuan Abdul Hamid bin Ibrahim:** Yang Berhormat Puan Hajjah Salbiah.

**5.59 ptg.**

**Puan Hajjah Salbiah binti Mohd. Akim:** Tuan Yang di-Pertua, hari ini kalau tidak salah saya adalah hari yang kelima Persidangan Dewan Negara, tetapi malangnya sekali saya tidak dapat bercakap walaupun untuk memberi ucapan pada usul yang pertama dahulu. Sangat dukacita, saya bukan hendak membuat teguran apa-apa, tetapi kadang-kadang Dato' Yang di-Pertua kita atau kedua-duanya melihat ke sebelah sana sahaja. **[Ketawa]** Banyak orang boleh jadi saksi. Saya minta keadilan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengikuti ucapan Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan tadi semasa membentangkan usul **ini**. Perbelanjaan-perbelanjaan yang ada ini kebanyakannya tambahan-tambahan dan juga membayar elaun-elaun.

Saya sungguh rasa gembira kepada orang yang boleh mendapat elaun-elaun dalam tugasnya kerana dibolehkan kepada mereka ini mesti dituntut elaun. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, Bil-bil yang sedemikian rupa sesudah Dewan Rakyat ke Dewan Negara dibentangkan, dilulus di sini baru boleh jalan. Yang peliknya seolah-olah lilin membakar dirilah Dewan Negara ini kerana kita selalu jadi lilin bakar diri. menerangi orang lain membakar diri sendiri,, saya rasa Yang Berhormat faham. Walaupun Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan iui atas Jabatan Perdana Menteri panggil untuk sesuatu tetapi kita tidak dapat menuntut elaun. Ini saya cakap terang-cerang menyokong kepada rakan sejawat yang datang dari Sabah, dia sokong supaya naikan gaji Menteri, semua itu, mudah-mudahan melelehlah sampai ke bawah esok Dewan.Negara., Ini juga minta keadilan. Kita tak ada yang bercakap, siapa pun tak ambiltahu: Dalam Bil ini, saya sebut supaya juga mendapat keadilan dan perhatikan perkata-perkara ini. Kita bukan pergi sahaja, ke mana-mana kita pergi kita buat kerja tetapi harap yang mata satu itulah, yang lain tak ada, tetapi rahmat Tuhan beri. Saya rasa perkara ini harus dipertimbangkan. Kalau orang lain boleh dapat, kita pun sedikit-sedikit mesti dapat, mesti diberi elaun juga kalau yang bertugas di atas arahan.

Suka juga saya hendak sentuh, saya tidak akan sentuh beberapa banyak perkara, tetapi walau bagaimanapun banyak .rakan-rakan saya telah mehyentuh berkaitan dengan Kementerian Pendidikan, saya tidak hendak sentuh dasar ataupun perkara-perkara yang lain telah banyak disentuh tetapi saya hendak sentuh satu berkenaan cuti hari raya ataupun cuti hari-hari perayaan di sekolah-sekolah. Kena pada hari

Isnin umpamanya hari raya atau hari kebesaran, cuti dua hari, ada lagi tiga hari, tambah lagi tiga hari, terus sampai kepada hari Isnin minggu depan baru buka sekolah, yang lebih tiga hari itu akan diganti pada setiap hari Sabtu akan diganti cuti itu.

Tuan Yang di-Pertua, cuti-cuti sekolah yang sedemikian rupa ini diisytihar oleh Kementerian Pendidikan cuti Hari Raya Cina dua hari tetapi tambah daripada sekolah-sekolah sampai seminggu, bagus dapat cuti, ibubapa dan anak-anak boleh menziarahi keluarga tetapi yang tidak baiknya ada sekolah-sekolah ganti hari Sabtu kelasnya 40 murid, kalau kita pergi lihat kadang-kadang ada 15-20 orang sahaja dan tidak ada pelajaran yang tertentu. Ini kita tidak sedar perkara ini berlaku, jadi merugikan. Apa salahnya kalau sudah cuti dua hari, kita cuti dua hari, kalau hendak tambah pun sehari. Ada sekolah-sekolah cuti tambah satu hari sahaja, dia tak mahu rugikan anak muridnya, sekolah itu terus berjalan. Ini berlaku di sekolah-sekolah di Pulau Pinang. Jadi apabila hari Sabtu murid-murid ada yang pergi sekolah, ada yang tak pergi sekolah dan kalau yang pergi pun tidak belajar, bagaimana hari ganti yang ditetapkan itu, ini sudah merugikan. Jadi ada lebih baik satu ketegasan kita buat supaya mengikut arahan daripada Kementerian supaya tidak ada penyelewengan sedemikian rupa.

Beralih kepada Kementerian Kesihatan. Pada Disember yang lalu kita membincangkan perkara-perkara perbelanjaan. Saya rasa kalau tak silap, yang banyak sekali perbelanjaan Kementerian Pendidikan, yang kedua Kementerian Kesihatan kerana hendak membela, hendak memperbaiki keadaan. Kalau sekolah memperbaiki kehidupan generasi akan datang, kalau Kementerian Kesihatan untuk menjaga kesihatan kestabilan rakyat tetapi kali ini kita tambah lagi, tak apa untuk

kebaikan. Yang sedihnya kalau kita pergi ke hospital-hospital itu alat-alat yang lama itu tetap lama juga tidak ada gantian, jadi bagaimana, apakah yang digunakan di atas perbelanjaan ini. Kalau sekiranya perbelanjaan itu untuk menambah kerana kekurangan hendak membeli alat-alat patut sekali alat-alat gantian di hospital-hospital ini.-banyak ;yang. telah, buruk.

Saya menyokong kepada Yang Berhormat Puan Ainon, dia tengok yang besar-besar yang dia nampak, tetapi saya tengok yang kecil-kecil pun tak berguna setengah itu dipergunakan juga, kadang-kadang dibalut dengan plastik untuk hendak digunakan juga alat **ini**. Ini patut diganti. Kalau boleh ganti, gantilah; kalau patut tambah, tambahlah kerana Kerajaan kita tak kedekut hendak beri kewangan. Sudah tak cukup yang ditentukan, tambah lagi boleh, jadi pembaikan keadaan itu.

Dalam banyak-banyak tambahan ini, Kementerian Kebajikan Masyarakat tak tambah wang padahal di sana patut banyak ditambah kerana orang susah, banyak. Tuan Yang di-Pertua, orang-orang yang mendapat bantuan:- daripada Kementerian Kebajikan Masyarakat; orang tua-tua di kampung-kampung \$30,\$50. Baru-bapu ini ada dibuat satu pembayaran yang lebih senang, ini telah dijawab oleh Timbalan Menteri Kebajikan Masyarakat dalam soalan saya yang telah dilancarkan hanya di dua tempat, pertama Wilayah Persekutuan, kedua Pulau Pinang. Saya pergi semasa pelancaran itu dan setiap orang yang mendapat bantuan- itu diberi. Kad Giro supaya senang Betul senang perkara **ini**, Tuan Yang di-Pertua, dapat kad boleh pergi tetapi tempat hendak pergi itu di mana? Timbalan Menteri jawab di Bank Simpanan Nasional,.bukan merata daerah ada. Kalau di Pulau Pinang orang yang duduk di Telok Bahang tak ada Bank Simpanan Nasional

Nasional di situ, dia kena pergi ke Balik Pulau. Telok Bahang ke Balik Pulau 13 batu, naik bas macam ular kena bedal, satu jam satu, orang tua-tua hendak pergi. Saya kata kenapa tidak sebagaimana dahulu? Untuk hendak menyenangkan. Menyenangkan siapa, Tuan Yang di-Pertua? Menyenangkan pegawai-pegawai tak payah lagi ke rumah orang tua-tua itu, tetapi orang tua-tua itu sendiri pergi. Mereka ini terpaksa pergi mengambil wang yang \$30 menggunakan naik bas, terpaksa ada satu orang yang kawal 5-6 orang ambil satu teksi, satu orang kena kawal, dia tak tahu nanti macam mana. Pergi pukul 9.00 pagi, pukul 1.00 tengahari belum tentu sampai rumah lagi kerana ramai, ini menyusahkan. Kita belanja wang begini punya banyak, mengapa kita tidak bela yang miskin itu?

Saya ini berasal daripada orang susah, saya selalu hendak bela orang susah sebab kita nampak dan mereka mengadu perkara ini tetapi bila kita buat soalan sedemikian rupa, jawapan paling senang, sebab tak nampak di depan mata dia, macam kita, kita nampak dan kita tahu. Kalau diberi kad itu suruh orang lain pergi, dia pun takkan hendak pergi sahaja, dia hendak berkawan, setiap seorang \$30 beri dia \$2, tinggal \$28, apa hendak makan sebulan? Takkan dia hendak pergi free sahaja, dia hendak kena naik bas. Kadang-kadang tak payah balik langsung, ada berlaku walaupun perkara ini baru. Jadi ini patut diperhatikan. Kita telah try umpamanya percubaan dua tempat, Wilayah Persekutuan dan Pulau Pinang, kalau nampak tidak berjaya kita tak usah ke negeri lain.

Itu di Pulau. Di Seberang Perai, di Nibong Tebal, tidak ada Bank Simpanan Nasional. Dia kena pergi ke Bukit Mertajam, cuba kira berapa batu jauhnya. Itu menyusahkan, di mana datangnya hendak menyenangkan orang miskin. Titah Di Raja, hendak membela orang-orang miskin, tetapi kalau macam ini keadaannya, bukan menyenangkan tetapi menyusahkan mereka lagi. Pegawai-pegawai di' bayar gaji tiap-tiap bulan biarlah dia pergi ke kampung-kampung, elauln dia dapat mileage dia dapat. Saya biasa kerja dengan Kerajaan, saya tahulah. Lagi best, kalau kita pergi ke kampung-kampung, tambah pula kalau musim durian kalau pergi di Balik Pulau, bolehlah kalau hendak rasa.

Tuan Yang di-Pertua, ini patut kita perhatikan. Kalau setiap ada soalan yang boleh dijawab, kita bukan sahaja-sahaja hendak mereka soalan, tetapi kerana ada sesuatu masalah yang berlaku maka kita buat soalan, Mereka datang mencari kepada siapa yang hendak mereka cari, maka mereka carilah sesiapa, sama ada Wakil Rakyatkah atau sesiapa yang boleh menyuarakan tentang masalah-masalah mereka ini. Itulah sebabnya saya hendak bercakap juga dalam masalah ini. Tetapi Kementerian Kebajikan Masyarakat tidak ada pun ditambah peruntukan. Kementerian lain sampai berapa banyak, pada hal kita berjanji dengan rakyat akan membela rakyat yang miskin dalam pilihanraya 1986, Ini sudah tahun 1989, tidak buat lagi.

Tuan Yang di-Pertua, kita sebagai satu badan, kalau cubit peha kiri, peha kanan sakit juga, pulas telinga kiri, telinga kanan sakit juga. Jadi, itulah walaupun kadang-kadang tidak sedap didengar,

tetapi mungkin ada baiknya kalau kita perhatikan perkara yang kecil-kecil itu ada manfaatnya.

Beralih kepada Polis Diraja Malaysia. Saya ucapkan tahniah kepada Polis Diraja, kalau dia tambah belanja pun tidak apa. Tambah kerja, kawal negara kita. Tetapi Tentera tidak ada minta tambah, sepatutnya Peruntukan untuk Tentera pun ditambah, sebab merekalah kita boleh tidur lena, boleh makan sedap, boleh berjalan senang, boleh duduk aman. Mereka kalau kurang jaga wallah hualam kita. Hendak pergi beli makanan pun susah. Polis juga, kalau tidak silap saya, dalam suratkhbar hari ini ada mengeluarkan bahawa mereka telah ada seramai 17 orang yang lulus untuk membawa kapalterbang. Jadi, kita ucapkan tahniah, bukan sahaja ditambah sedikit seperti **ini**, pada masa akan datang kita akan tambah lagi perbelanjaan yang lebih besar untuk mereka, supaya Polis Diraja ini menjaga keselamatan di segenap ceruk rantau dan juga dengan menggunakan kapalterbang. Ini sangat baik, kalau tidak di Semenanjung, tetapi di Sabah dan Sarawak, perkara ini amat berguna.

Beralih kepada B.51 - Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos. Itu tidak payah cakaplah. Kementerian ini tidak ada pun susah, ada pun susah. Tidak ada telefon pun susah, ada pun susah. Kadang-kadang cara membayarnya kalau terpotong, Puan Ainon kata tadi, kalau dipotong, tetapi kalau terpotong telefon **itu**, hendak pasang sambung semula kena bayar \$50.00. Itu bukannya kecil. \$30.00 bantuan Kerajaan kepada orang tua-tua melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat. Hendak sambung telefon semula \$50.00. Sangat besar, bukan dia keluar pun, dia tidak keluar ke manapun hendak pergi menyambung.

Cari duit sampai macam itu! Tidak fikirakah orang lain? Ini juga patut diperhatikan. Sudahlah kena bayar denda, hendak sambung semula kerana kita hendak pakai balik kena bayar \$50.00. Sangat besar upahnya. Upahlah kita kata, kalau tidak upah fasal apa dia hendak kita bayar \$50.00.

Jadi, saya rasa itulah perkara-perkara yang hendak saya sampaikan. Perkara-perkara ini tidak kita bangkitkan, kerana wangnya telahpun diperbelanjakan, cuma kita hendak meluluskan wang yang telah dibelanjakan **itu**, maka dengan ini saya juga menyokong satu Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulan Wang disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1988 dan. bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu. Sekian., terima kasih.

**Tuan Abdul Hamid bin Ibrahim:** Yang Berhormat Tuan Sivalingam.

**6.16 ptg.**

**Tuan A.K. Sivalingam Arumugam Karuppiah:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun di Dewan yang mulia ini untuk membahas atas Rang Undang-undang Akta Perbekalan Tambahan (1988) 1989. Sebelum saya memulakan ucapan saya, terlebih dahulu saya ucapkan terima kasih kepada Tuan. Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk berbahas di Dewan yang mulia ini.

Kepada Tuan. Yang di-Pertua serta anggota-anggota Senate dan Ahli-ahli Dewan, pada kali ini saya akan menyentuh tentang masalah-masalah yang dihadapi oleh guru-guru sementara di SRJK(T) di seluruh negara. Untuk pengetahuan Tuan Yang di-Pertua serta anggota-anggota Dewan kebanyakan guru-guru yang berkhidmat di. SRJK (T) di



seluruh negara adalah guru sementara dan mereka diambil bertugas bagi menampung kekurangan guru-guru yang terlatih dari Maktab-maktab Perguruan. Atas kelayakan asas inilah mereka diambil bertugas sebagai guru-guru sementara. Setelah beberapa kajian serta analisa yang dibuat oleh pihak MIC Pusat, kami dapati bahawa kebanyakan guru-guru Sementara di SRJK(T) di seluruh negara memiliki peghalaman selama 8 tahun atau 9 tahun dalam bidang perguruan.

Ini bermakna kebanyakan daripada mereka mula bertugas sebagai guru sementara semasa lingkungan umur mereka 20 tahun dan kini usia mereka 29 tahun atau lebih. Dengan analisa ini kita dapati guru sementara ini telah menghabiskan tenaga, masa serta pengetahuan. mereka membimbing para pelajar supaya menjadi warganegara yang berguna kepada masyarakat dan negara di masa depan. Kebanyakan daripada guru-guru ini juga telah menolak peluang-peluang pekerjaan yang lain dan telah memilih bidang perguruan sebagai karier utama mereka di masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, adakah Kerajaan menghargai sumbangan-sumbangan serta bakti-bakti yang mereka curahkan di SRJK(T) masih boleh diperbincangkan lagi. Tuan Yang di-Pertua, masalah timbul apabila Menteri Pelajaran Encik Anwar Ibrahim tiba-tiba sahaja memansuhkan K.D.C, ini mulai tahun 1989 serta menghadkan umur 26 tahun sebagai umur maksima calon-calon diterima masuk ke Maktab-maktab Perguruan.

Tuan Yang di-Pertua, kenyataan beliau tersebut telah memeranjatkan kebanyakan pihak amnya guru-guru sementara. khususnya yang melihat mereka tidak mempunyai masa depan lagi, 'kerana kebanyakan daripada guru-guru sementara ini telah melebihi umur 26 tahun dan masih tidak mendapat tempat di Maktab-maktab Perguruan dan KDC walaupun mereka mempunyai kelayakan serta pengalaraan sepertimana dikehendaki oleh pihak Lembaga Maktab Perguruan dan KDC. Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, atas inisiatif Dato' S. Samy Vellu, kita tahu bahawa had umur 26 tahun, walau bagaimanapun kita sedar kebanyakan guru-guru sementara ini telah melebihi had umur 28 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin -mengesyorkan beberapa cadangan bagi mengatasi masalah ini:-

- (1) Guru-guru- sementara yang telah diterima bertugas di SRJK Tamil harus diterima masuk di- Maktab-maktab Perguruan tanpa menghadkan umur mereka. Dengan ini pengalaman mengajar guru-guru sementara ini dapat digunakan semula yang mana ia akan membantu mencepatkan proses pelajaran serta pembelajaran di sekolah.
- (2) Mengadakan ujian khas kepada guru-guru sementara. ini serta menetapkan satu tempoh yang tertentu di mana guru-guru sementara ini harus berjaya dalam ujian itu dalam tempoh yang ditetapkan itu.

- (3) Bilangan guru-guru terlatih yang keluar dari maktab di seluruh negara bagi SRJK bagi satu tahun adalah kira-kira dalam lingkungan 100-120 guru. Bila mereka diagihkan ke sekolah di seluruh negara, di sinilah muncul masalah kekurangan guru-guru yang terlatih di sekolah. Tuan Yang di-Pertua, masalah ini boleh diatasi dengan mengambil lebih banyak guru-guru bagi SRJK di maktab-maktab serta memberi kebenaran kepada guru-guru sementara berkhidmat terus di SRJK. Dengan **ini**, saya rasa Kerajaan dapat menjimat wang serta masa.
- (4) Sebagai menghargai jasa baik kaum guru **ini**, bagi guru-guru yang berkhidmat di ladang-ladang atau kampung-kampung, Kerajaan hendaklah menyediakan kemudahan-kemudahan asas seperti rumah penginapan bagi mereka. Bayaran sewa bagi rumah ini boleh dipotong dari gaji mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa cadangan-cadangan yang saya syorkan tadi boleh mengatasi masalah kaum guru sementara di SRJK Tamil di seluruh negara dan saya harap Kerajaan akan bersungguh-sungguh dalam hal ini bagi mencari penyelesaian kepada masalah-maaalah yang dihadapi oleh guru-guru sementara ini.

Dengan kata-kata ini, saya mengakhiri ucapan saya dan saya menyokong Rang Undang-undang ini dengan sepenuhnya. Sekian, terima kasih.

**Tuan Abdul Hamid bin Ibrahim:** Yang Berhormat Puan Hajjah Rogayah.

6.25 ptg.

**Puan Hajjah Rogayah binti Che Mat:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membahaskan suatu Akta bagi peruntukan wang daripada Kumpulanwang Disatukan untuk perbelanjaan .tambahan bagi perkhidmatan tahun 1988 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu.

Di bawah Maksud B.6 Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran diperuntukkan sebanyak \$1,108,500. Saya menyentuh Maksud B.6 mengenai Latihan dan Persediaan Tenaga Mahir.

Tuan Yang di-Pertua, satu aspek yang harus disemak dalam memenuhi cita-cita negara membangun dan maju. Rungutan dari sektor-sektor penawaran ternyata bahawa kemahiran tenaga kerja di negara tidak selaras dengan kehendak-kehendak swasta dan agensi-agensi yang memerlukan, Dalam lain-lain perkataan, permintaan tenaga kerja tidak boleh dimatchkan dengan penawaran kerja. Perkara ini harus ditelitikan semula, kerana aistem .pendidikan dan latihan. akademik negara seharusnya dirancang dan dirangka agar selaras dengan corak perkembangan dan pertumbuhan ekonomi.

Golongan pengurusan hendaklah. benar-benar tahu keperluan pekerja dan aspek-aspek kemahiran dan nilai produktiviti. Nilai ini tidak terhad kepada degree dan ijazah sahaja tetapi tertakluk kepada nilai pengurusan dan motivasi yang tinggi. Kita telah banyak kehilangan peluang-peluang sebagaimana yang ditawarkan dalam bidang-bidang tertentu termasuk bidaug-bidang perkapalan yang menunjukkan kita masih mengalami defisit sebanyak \$3.8 billion setahun. Kelemahan daripada segi penyertaan mungkin disebabkan oleh faktor ketidakmampuan pengalaman.

Tuan Yang di-Pertua, pihak Kerajaan juga harus menyemak semula sistem-sistem pengajaran ilmu di kolej-kolej swasta, universiti-universiti tempatan dan latihan-latihan seberang laut agar latihan ini memenuhi dan selaras dengan cita-cita Kerajaan dan matlamat pembangunan tadi. Kita telah berpengalaman dengan kekurangan guru-guru sains dan satu ketika kita kehilangan guru-guru bahasa.

Dalam Maksud B.7 Jabatan Perdana Menteri diperuntukkan sebanyak \$57,756,500 yang telah dibelanjakan. Saya suka menyentuh mengenai Dasar Penswastaaan Negara.

Berhubung dengan Dasar Penswastaaan Negara, di sini saya ingin mencadangkan agar dibentuk satu Jawatankuasa Khas guna mengkaji dan meneliti secara menyeluruh untuk menyemak dan melihat faktor dari sudut-sudut berikut:

- kesan sampingan yang wujud dari sistem ini;
- kesan-kesan kebajikan pekerja;
- kehilangan sumber kewangan negara;  
apakah cukai yang dibayar dari badan yang telah diswastakan benar-benar memenuhi hasrat dan cita-cita Kerajaan;  
kadar hasil pulangan produktiviti keseluruhan agensi yang diswastakan.

Dalam hal ini kita tidak mahu "menang sorak kampung tergadai" dan sistem monopoli berkembang semula dalam negara ini. Kerajaan juga harus mengambil kira dan menyemak semula sistem pembahagian dalam konteks ini di mana rakan kongsi hendaklah diberi keutamaan dari rakan-rakan tempatan.

Contoh yang berlaku kepada Terengganu dalam satu fasa pembekalan rancangan kontrak Gas Paip Semenanjung II yang bernilai \$1,300 juta sebagai contoh yang harus diambil kira.

Dengan ini, akhirnya saya menyokong Rang Undang-undang memberi kuasa berkanun supaya pembayaran tambahan tertentu dibuat dan diluluskan. Terima kasih.

**Tuan Abdul Hamid bin Ibrahim:** Yang Berhormat Puan Law Jack Yoon.

6.29 ptg.

**Puan Law Jack Yoon:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya ucapkan. Saya merasa bangga kerana diberi peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Akta Perbekalan Tambahan (1988) 1989, bersama-sama dengan rakan saya. Saya hendak menyentuh 2-3 Kementerian sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberi sedikit pendapat saya mengenai bidang pendidikan .yang.memberi penekanan kepada pendidikan murid-murid pada semua aspek .melalui satu proses pembelajaran dan pengajaran yang menggunakan pendekatan sesuatu matapelajaran yang lebih sesuai dengan masa sekarang dan bukan menggunakan pendekatan yang .abstrak yang penuh dengan pembelajaran melalui TOEFL. Usaha-usaha dan.....

**Tuan Abdul Hamid bin Ibrahim:** Yang Berhormat, saya minta maaf, saya bukan tidak adil, tetapi masa sudah cukup. Yang Berhormat boleh menyambung ucapan pada hari Isnin yang.akan datang.

Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sehingga hari Isnin, 3hb April 1989, jam 2.30 petang. Wabillahi taufik wal-hidayah, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.**